

Bab 3

MEWUJUDKAN PERSEKITARAN UNTUK MENJAYAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

10

Pelabuhan Westport Klang

Ekonomi Malaysia telah kembali pulih daripada kemelesetan berikutan krisis kewangan global dan indikator utama ekonomi menunjukkan kadar pertumbuhan yang kukuh dalam jangka masa terdekat. Namun, bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan teguh untuk jangka panjang, beberapa cabaran struktur perlu ditangani. Malaysia masih ketinggalan daripada segi pertumbuhan pelaburan dan produktiviti, berbanding beberapa negara serantau, seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-1*, manakala pelaburan swasta kini jauh lebih rendah berbanding tahap pelaburan sebelum Krisis Kewangan Asia 1997. Malaysia juga menghadapi persaingan sengit

daripada negara serantau. Di samping itu, setelah pulih daripada krisis kewangan global yang melanda, kebanyakan negara termasuk di rantau ini sedang menyemak semula strategi pertumbuhan dan menyusun semula ekonomi untuk menghadapi lanskap ekonomi global yang mencabar.

Dalam konteks ini, bagi membolehkan Malaysia mencapai aspirasi menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, ekonomi Malaysia perlu berkembang pada kadar 6% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015 (RMKe-10). Transformasi

Carta 3-1

Pertumbuhan produktiviti Malaysia menurun pasca 1997

%

Pertumbuhan produktiviti buruh negara Asia terpilih, purata perubahan tahunan		
	Pra krisis 1987-97	Pasca krisis 1998-2007
China	4.5	9.2
India	3.5	4.4
NIE Asia	4.8	3.4
Malaysia	5.5	2.9
Thailand	5.2	3.1
Indonesia	3.1	3.0
Singapura	4.5	2.4
Filipina	-0.7	2.3

Sumber pertumbuhan bagi produktiviti buruh Malaysia, purat perubahan tahunan		
	1987-97	1998-2007
Produktiviti buruh	5.5	2.9
Sumbangan daripada		
▪ Modal	3.4	1.0
▪ Pendidikan	0.3	0.3
▪ Tanah	0	-0.1
Produktiviti faktor keseluruhan	1.7	1.6


SUMBER: Bank Dunia; Unit Perancang Ekonomi

persekitaran untuk pertumbuhan ekonomi perlu dilaksanakan bagi membolehkan peningkatan dinamisme dan produktiviti. Cabaran utama adalah untuk beralih daripada ekonomi yang bersaing berdasarkan kos dan sumber asli kepada ekonomi yang dipacu oleh produktiviti, inovasi dan berupaya memupuk, menarik serta mengekalkan modal insan berbakat, syarikat dan modal. Bagi mencapai taraf ekonomi berpendapatan tinggi, Malaysia perlu beralih daripada strategi berasaskan kepelbagaian ekonomi yang telah berjaya menjadikan Malaysia negara berpendapatan sederhana kepada strategi yang menumpu kepada pengkhususan dalam beberapa sektor ekonomi dan geografi terpilih yang mana negara mempunyai kelebihan daya saing.

Bagi melakukan anjakan strategik ini, program reformasi ekonomi yang berpandangan jauh akan dilaksanakan dalam RMKe-10 seperti berikut:

- **Membentuk ekonomi yang diteraju oleh sektor swasta** dengan memodenkan peraturan perniagaan, meliberalisasikan sektor perkhidmatan, menghapuskan herotan pasaran, memperkenalkan undang-undang persaingan dan menambah baik saling hubungan di antara Kerajaan dengan perniagaan;

- **Menyokong pertumbuhan yang diteraju oleh inovasi** dengan membentuk eko-sistem yang menyokong inovasi, mewujudkan peluang dan menyediakan pemboleh serta pembiayaan inovasi;
- **Merasionalisasi peranan Kerajaan dalam perniagaan** dengan menggiatkan program penswastaan dan perkongsian awam-swasta (PPP), menubuhkan dana fasilitasi serta mencapai keseimbangan antara Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta;
- **Membangunkan enterpris kecil dan sederhana (EKS) sebagai jentera pertumbuhan dan inovasi** dengan mengurangkan kos kawal selia yang ditanggung oleh EKS, membina keupayaan EKS, menyokong pembentukan budaya keusahawanan, memperkukuh infrastruktur sokongan dan mempertingkatkan akses kepada pembiayaan;




- **Bersaing pada peringkat global dengan menyokong syarikat tempatan untuk bersaing dalam pasaran global** dan menarik pelaburan serta bakat asing ke Malaysia;
- **Menyediakan infrastruktur bertaraf dunia untuk pertumbuhan** melalui peningkatan penembusan jalur lebar dengan ketara, peningkatan pembangunan infrastruktur fizikal secara berterusan bagi meningkatkan akses dan hubungan serta memastikan sumber dan agihan tenaga yang berkesan; dan
- **Menumpu kepada jentera pertumbuhan utama** melalui aglomerasi bandar, menumpukan pembangunan koridor mengikut kluster dan membangunkan bidang ekonomi utama negara (NKEA).

Program reformasi yang berpandangan jauh ini akan menyediakan persekitaran yang membolehkan NKEA mencapai pertumbuhan ekonomi yang disasarkan, seperti yang ditunjukkan dalam *Carta 3-2*.

Carta 3-2

Program reformasi yang berpandangan jauh akan menyediakan persekitaran yang membolehkan NKEA mencapai pertumbuhan ekonomi yang disasarkan





MEWUJUDKAN EKONOMI DITERAJU OLEH SEKTOR SWASTA

Daya kreatif, usaha dan inisiatif pihak swasta akan dipertingkatkan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Bagi menyokong sektor swasta dan menggerak potensi pertumbuhannya, beberapa inisiatif akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan:

- Memodenkan peraturan perniagaan;
- Meliberalisasikan sektor perkhidmatan;
- Menghapuskan herotan pasaran melalui rasionalisasi subsidi;
- Memperkenalkan Undang-undang Persaingan; dan
- Menambah baik saling hubungan di antara Kerajaan dengan perniagaan.



Memodenkan Peraturan Perniagaan

Persekitaran kawal selia mempunyai kesan yang ketara kepada prestasi dan gelagat syarikat. Penyertaan sektor swasta dalam ekonomi dan inovasi memerlukan persekitaran kawal selia yang menyediakan perlindungan dan garis panduan, di samping menggalakkan persaingan. Bagi memaksimumkan potensi inovasi dalam ekonomi, sebagai contohnya, syarikat memerlukan isyarat harga dan insentif yang jelas serta fleksibiliti untuk mengalih sumber mengikut perubahan keadaan. Syarikat Malaysia sering kali berhadapan dengan pelbagai peraturan yang semakin bertambah dan ini mengekang potensi pertumbuhan. Pada masa yang sama, tidak terdapat peraturan atau sekiranya ada, ianya kurang berkesan bagi menggalakkan persaingan dan inovasi.

Pada tahun 2007, Kerajaan telah mengambil langkah penting untuk merasionalisasi regim kawal selia dengan menubuhkan PEMUDAH, sebuah pasukan petugas khas bagi memudahkan perniagaan. Antara pencapaian penting PEMUDAH ialah memendekkan proses memulakan perniagaan daripada sembilan prosedur kepada tiga dan dari 11 ke tiga hari serta mengurangkan masa bagi pendaftaran hak milik harta dari 41 ke dua hari dan mengurangkan masa untuk pulangan potongan cukai kepada 14 ke 30 hari berbanding satu tahun sebelum ini.

Berdasarkan laporan *Doing Business 2010* oleh Bank Dunia 2010, Malaysia berada pada kedudukan ke-23 antara 183 negara, seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-3*. Kerajaan mensasarkan Malaysia mencapai kedudukan 10 negara teratas di dunia dalam urusan menjalankan perniagaan menjelang akhir tempoh Rancangan. Ini bukan sahaja akan meningkatkan daya saing Malaysia pada peringkat global tetapi juga akan menjadikan negara antara destinasi terbaik untuk menjalankan perniagaan di Asia.

Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan mengkaji semula peraturan perniagaan secara

menyeluruh, bermula dengan peraturan yang memberi kesan kepada NKEA. Peraturan yang menyumbang kepada penambahbaikan pencapaian negara akan dikekalkan, manakala peraturan yang tidak diperlukan dan lapuk akan dihapuskan. Kajian semula ini akan diteraju oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang akan dijenama dan distruktur semula bagi memastikan ia mempunyai keupayaan yang kukuh dan sumber yang mencukupi. MPC akan dianggotai oleh pakar yang bersesuaian daripada kalangan ahli akademik dan perniagaan. Ia akan melengkapi usaha PEMUDAH. Secara khususnya, MPC akan:

Carta 3-3

Malaysia di kedudukan ke-23 dalam laporan Bank Dunia *Doing Business 2010*

Kedudukan Global 2010

	Kesenangan menjalankan perniagaan	Memulakan perniagaan	Urusan berkaitan permit perniagaan	Pendaftaran hartanah	Perdagangan merentasi sempadan	Menguatkuasakan kontrak
Singapura	1	4	2	16	1	13
New Zealand	2	1	5	3	26	10
Hong Kong	3	18	1	75	2	3
AS	4	8	25	12	18	8
UK	5	16	16	23	16	23
Thailand	12	55	13	6	12	24
Jepun	15	91	45	54	17	20
Korea Selatan	19	53	23	71	8	5
Malaysia	23	88	109	86	35	59

SUMBER: Bank Dunia

- Mengkaji semula peraturan sedia ada bertujuan untuk menghapuskan peraturan dan kos pematuhan yang tidak perlu. Peraturan yang memberi kesan kepada NKEA akan diberi keutamaan;
- Melaksanakan analisis kos-faedah ke atas dasar dan peraturan baru bagi menilai kesan ke atas ekonomi;
- Menyediakan perangkaan produktiviti yang terperinci pada peringkat sektor dan menanda aras dengan beberapa negara yang berkaitan;
- Melaksanakan penyelidikan produktiviti yang berkaitan (contohnya impak peraturan ke atas pertumbuhan EKS);
- Mengemukakan syor kepada Jemaah Menteri mengenai perubahan dasar dan peraturan yang akan meningkatkan produktiviti; dan
- Menyelia pelaksanaan kesemua syor.

Proses kajian semula ini akan menggunakan kepakaran dan perspektif pemimpin sektor awam dan swasta yang akan membantu mengenal pasti isu utama dan penyelesaian yang bersesuaian. Contoh amalan terbaik antarabangsa ditunjukkan dalam *Kotak 3-1*.

KOTAK 3-1

Contoh amalan terbaik antarabangsa - Australian Productivity Commission

Australian Productivity Commission yang ditubuhkan pada tahun 1998 merupakan badan penyelidikan dan penasihat bebas kepada Kerajaan Australia mengenai pelbagai isu ekonomi, sosial dan alam sekitar yang memberi kesan ke atas kebajikan warga Australia. Suruhanjaya ini melaksanakan kajian semula ke atas peraturan sedia ada dan juga menjalankan kajian mendalam mengenai isu dasar yang penting (contoh, menentukan peneraju kepada produktiviti dan dasar perdagangan).

Suruhanjaya ini diketuai oleh seorang pengerusi dan dianggotai antara empat hingga 11 Pesuruhjaya yang dilantik oleh Ketua Gabenor untuk tempoh sehingga lima tahun. Suruhanjaya ini menggunakan proses awam dan terbuka, bertanggungjawab membuat keputusan berasaskan kepentingan menyeluruh komuniti dan tidak hanya mengambilkira kepentingan segelintir kumpulan atau industri tertentu.

Suruhanjaya ini diberi sumber yang mencukupi, dianggotai oleh kakitangan yang berkualiti tinggi dan menjadi sebuah badan yang dihormati serta menjadi suara berwibawa ke atas isu-isu penting- memberi sumbangan yang ketara kepada kualiti kawal selia, perbincangan dasar dan akhirnya pencapaian ekonomi. Berdasarkan sebab ini, Suruhanjaya ini telah menjadi model kepada negara-negara lain. Pada Mac 2010, New Zealand telah mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Produktiviti yang mirip model Australia.

Meliberalisasi Sektor Perkhidmatan


Sektor perkhidmatan menyumbang 58% kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia dan perlu menjadi pemacu penting pertumbuhan ekonomi dalam tempoh Rancangan. Sektor ini dijangka berkembang pada kadar 7.2% setahun sehingga 2015, meningkatkan sumbangannya sebanyak 61% keada KDNK pada akhir tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-4*. Pertumbuhan ini akan banyak bergantung kepada usaha meningkatkan produktiviti sektor dan menarik pelaburan baru. Dianggarkan sebanyak RM44.6 bilion pelaburan baru diperlukan sepanjang tempoh Rancangan

bagi sektor perkhidmatan mencapai sasaran sumbangan KDNK, dengan sejumlah besar daripada pelaburan langsung asing (FDI). Bagi merealisasikan sasaran pelaburan ini, liberalisasi selanjutnya sektor perkhidmatan perlu dilakukan. Dalam tempoh Rancangan, sektor perkhidmatan akan diliberalisasikan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Bagi Perkhidmatan (AFAS), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan perjanjian perdagangan bebas (FTA).

Bagi memenuhi tempoh masa dan had ekuiti di bawah AFAS, liberalisasi selanjutnya akan dilaksanakan merangkumi kesemua 128 subsektor dengan membenarkan sekurang-kurangnya 70% pemilikan ekuiti pada peringkat

Carta 3-4

Perkhidmatan dijangka meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 7.2% pada tahun 2015



ASEAN menjelang 2015. Penambahbaikan dan komitmen baru akan meliputi subsektor penjagaan kesihatan, pelancongan, telekomunikasi, perkhidmatan pendidikan, alam sekitar, pengangkutan dan perniagaan. Ini merupakan tambahan kepada liberalisasi 65 subsektor daripada 128 pada akhir tahun 2008. Sebagai tambahan kepada 128 subsektor tersebut, perkhidmatan kewangan dan pengangkutan udara akan terus diliberalisasikan ke arah mencapai sasaran pada tahun 2015.

Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan meningkatkan komitmen yang dibuat kepada WTO pada tahun 1995 untuk meliberalisasikan 65 subsektor perkhidmatan. Malaysia akan menambah baik tawarannya meliputi perkhidmatan profesional, pendidikan, telekomunikasi, pelancongan dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Malaysia juga akan meneruskan rundingan FTA bagi sektor perkhidmatan dengan rakan dagang utamanya.

Kerajaan akan menyemak semula dasar dan peraturan domestik yang mengekang keberkesanan liberalisasi sektor perkhidmatan termasuk halangan pemilikan ekuiti asing dan had kepada pengambilan bakat asing. Peraturan mengenai pengiktirafan kelayakan antarabangsa, keperluan menjalankan perniagaan, komposisi lembaga pengarah dan kemasukan ekspatriat akan dikaji semula. Kerajaan akan terus membantu penyedia perkhidmatan domestik untuk membina keupayaan dan bersedia menghadapi peningkatan persaingan selepas liberalisasi.

Menghapuskan Herotan Pasaran Melalui Rasionalisasi Subsidi

Subsidi kini merupakan beban kewangan yang besar kepada Kerajaan, iaitu 4.7% daripada KDNK atau anggaran RM12,900 setahun bagi setiap isi rumah. Memandangkan subsidi disalurkan melalui kawalan harga, penetapan harga yang tidak berasaskan pasaran sering mengakibatkan lebihan penggunaan, pembaziran dan agihan sumber yang tidak tepat. Dalam tempoh Rancangan, subsidi dan kawalan harga akan dirasionalisasi secara berperingkat untuk menghapuskan herotan pasaran. Langkah ini telah dimulakan dengan subsidi gula.

Pada masa ini, subsidi yang diberikan kepada pengeluar akan ditukar kepada pemberian insentif berasaskan produktiviti, sebagai contoh dalam industri perikanan, insentif akan diberi berasaskan jumlah pendaratan ikan dan bukannya subsidi input.

Kawalan harga ke atas industri dan pengguna akan dihapuskan secara berperingkat untuk menggambarkan harga pasaran sebenar. Dengan itu, keputusan pelaburan dan penggunaan oleh industri dan pengguna akan lebih berasaskan keadaan ekonomi sebenar serta persaingan dan produktiviti akan dapat dinilai dan diukur dengan lebih baik.

Namun, Kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan

sosial seperti pendidikan, kesihatan dan kebajikan. Sebarang rasionalisasi subsidi ke atas perkhidmatan ini akan ditumpukan kepada meningkatkan kecekapan serta keberkesanan perkhidmatan tanpa mengurangkan standard perkhidmatan. Golongan yang memerlukan dan berpendapatan rendah akan terus dibantu memandangkan sebahagian daripada penjimatan rasionalisasi subsidi ini akan disalurkan kepada mereka.

Memperkenalkan Undang-undang Persaingan

Lebih banyak persaingan dalam pasaran domestik akan digalakkan untuk menarik dan mengekalkan paras pelaburan swasta yang tinggi serta mengukuhkan persekitaran perniagaan, supaya lebih telus dan rancak dengan perniagaan bersaing berdasarkan kualiti, nilai dan inovasi. Undang-undang Persaingan akan diperkenalkan untuk mengawal semua syarikat termasuk GLC daripada amalan anti persaingan. Undang-undang ini akan menyediakan kawalan ke atas penyalahgunaan kuasa dominan pasaran dan perjanjian anti persaingan antara syarikat, termasuk kartel yang boleh menghad dan mengherot persaingan dalam pasaran.

Undang-undang Persaingan telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2010. Suruhanjaya Persaingan dan Tribunal Rayuan akan ditubuhkan pada akhir tahun 2010 untuk memastikan pelaksanaan undang-undang yang lancar

dan berkesan. Undang-undang ini akan dikuatkuasakan selepas tempoh percubaan 18 bulan bagi mendapatkan sokongan dan meningkatkan pemahaman peniaga ke atas undang-undang tersebut.


Menambah Baik Saling Hubungan di antara Kerajaan dengan Perniagaan

Selain daripada reformasi dasar dan persekitaran kawal selia, Kerajaan juga akan melaksanakan beberapa tindakan untuk menambah baik saling hubungan dengan perniagaan bagi menjadikan Malaysia lebih menarik sebagai tempat melabur dan menjalankan perniagaan. Peningkatan kualiti dan ketepatan masa dalam perkhidmatan serta ketelusan dan kepastian membuat keputusan oleh Kerajaan akan meningkatkan lagi produktiviti. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan terus menambah baik penyampaian dan kecekapan perkhidmatan kepada perniagaan dengan memanfaatkan ICT. Sebahagian daripada inisiatif ini ditunjukkan dalam *Jadual 3-1*.



Jadual 3-1

Pelaksanaan pendekatan mesra perniagaan dan fasilitasi perdagangan	
Bidang	Penerangan
MyGovXchange untuk perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Sistem dan platform MyGovXchange sedia ada akan dipertingkatkan sebagai satu gerbang bersepadu untuk perniagaan merangkumi pendaftaran, permohonan lesen dan pengembangan perniagaan serta permohonan pinjaman dan geran daripada pelbagai agensi.
Gerbang Perkhidmatan Perusahaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	<ul style="list-style-type: none"> Dibangun berasaskan sistem identiti syarikat, MyCoID, gerbang perkhidmatan enterpris SSM akan membolehkan pendaftaran serentak dengan pelbagai agensi susulan daripada pendaftaran syarikat di SSM. Ini akan mengurangkan keperluan syarikat untuk mendaftar berkali-kali dengan agensi berlainan. Sistem ini akan diperluaskan daripada lima agensi kepada semua agensi awam yang berurusan dengan entiti perniagaan.
National Single Window (NSW) untuk perdagangan	<ul style="list-style-type: none"> NSW merupakan portal atas talian yang membolehkan penyerahan maklumat berkaitan perdagangan. Ia mengelakkan penyediaan data yang sama secara berulang serta memudah dan mempercepat urusan pelepasan kargo. Dalam tempoh Rancangan, perkhidmatan menerusi NSW akan diperluas bagi merangkumi perkhidmatan perisytiharan Zon Bebas, perisytiharan Barangan Merbahaya, Permit Bukan-Kastam, Sijil fitosanitasi dan Sijil Persidangan Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam.
Mengurangkan birokrasi untuk memperkemas prosedur	<ul style="list-style-type: none"> Bagi melancarkan urusan perdagangan, keperluan dokumentasi perdagangan akan dikurang dan diperkemaskan dengan tujuan mencapai persekitaran transaksi tanpa kertas, selaras dengan standard antarabangsa. Portal Kastam tunggal akan dibangun untuk mengurangkan birokrasi dan mempermudah penyaluran maklumat dan perkhidmatan; ini akan disokong dengan pindaan kepada Akta Kastam 1967.
Penyertaan bank dalam Financial Process Exchange (FPX)	<ul style="list-style-type: none"> FPX adalah gerbang pembayaran atas talian bagi transaksi niaga-ke-niaga atau niaga-ke-pengguna yang melibatkan beberapa bank. Dalam tempoh Rancangan, Bank Negara Malaysia akan menentukan jangka masa bagi semua bank menyertai FPX untuk membolehkan peluasan sistem Pembayaran Duti Kastam Elektronik NSW ke seluruh negara dengan lebih berkesan.
Portal MyExport	<ul style="list-style-type: none"> Pengeksport Malaysia yang berdaftar dengan MATRADE boleh mengakses pelbagai perkhidmatan seperti maklumat perdagangan terkini mengenai acara dan aktiviti perdagangan, statistik dan makluman pasaran menerusi portal MyExport.



MENYOKONG PERTUMBUHAN DITERAJU INOVASI

Inovasi merupakan ramuan utama untuk menambah produktiviti yang akan meningkatkan daya saing ekonomi. Melalui inovasi dan eksploitasi idea baru, tambahan nilai boleh diperolehi dengan menggunakan asas modal dan sumber manusia yang sama.

Terdapat pelbagai bentuk inovasi, contohnya, penambahbaikan produk, proses dan struktur organisasi. Inovasi melibatkan kedua-dua pembentukan dan juga penyerapan pengetahuan. Sebahagian besar inovasi dalam ekonomi terhasil daripada usaha berterusan oleh syarikat, institusi dan individu membuat penambahbaikan produk dan proses atau mengenal pasti pasaran dan peluang baru. Justeru, agenda inovasi Kerajaan akan mempromosi aktiviti inovasi merentasi ekonomi. Dasar inovasi memerlukan reformasi secara meluas bagi memastikan Malaysia menyediakan persekitaran perniagaan yang cekap, fleksibel dan rancak.

Persekitaran perniagaan adalah ramuan penting bagi proses inovasi, contohnya dengan memastikan persekitaran yang kompetitif dengan isyarat harga yang tepat, syarikat akan terdorong untuk lebih inovatif. Kelonggaran penubuhan dan penutupan syarikat juga akan menyokong fleksibiliti pengagihan semula sumber ke bidang pertumbuhan paling tinggi dalam ekonomi.

Pelaburan dalam bidang sains, penyelidikan dan pendidikan juga berperanan sebagai jentera penggerak inovasi dalam sesebuah ekonomi. Namun, agenda inovasi negara masih belum mencapai tahap kemajuan yang dihasratkan. Misalnya, kemerosotan keupayaan organisasi untuk menjana pengetahuan dapat dilihat melalui penurunan dalam bilangan penyelidik daripada 21.3 setiap 10,000 tenaga buruh pada tahun 2004 kepada 20.3 pada tahun 2008. Nisbah perbelanjaan kasar bagi R&D (GERD) daripada KDNK menurun daripada 0.69% pada tahun 2004 kepada 0.21% pada tahun 2008, berbanding kira-kira 3% bagi Singapura. Malaysia menasarkankan untuk meningkatkan GERD kepada 1% daripada KDNK pada tahun 2015. Kerajaan akan mengambil tindakan berterusan untuk memperkukuh sistem inovasi Malaysia melalui empat dimensi utama:

- Membentuk persekitaran yang menyokong inovasi;
- Mewujudkan peluang inovasi;
- Menyediakan pemboleh inovasi; dan
- Membiaya inovasi.

Membentuk Persekitaran yang Menyokong Inovasi

Kerajaan akan menyokong inovasi dengan mewujudkan persekitaran yang membolehkan syarikat, organisasi penyelidikan dan individu menceburi aktiviti inovatif dengan lebih baik. Langkah ini akan meliputi pembangunan sumber manusia, pelaburan dalam infrastruktur inovasi dan memupuk penerokaan bidang baru melalui inkubator.

Pendidikan dan Latihan

Kejayaan agenda inovasi bergantung kepada rakyat Malaysia yang menyanjung nilai keterbukaan, berfikiran kritikal dan berani mencuba serta mengambil risiko. Ini memerlukan sistem pendidikan yang memupuk modal insan yang kreatif dan analitis. Salah satu langkah penting ialah membangunkan institusi pendidikan bertaraf dunia dengan kepimpinannya juga bertaraf dunia, khususnya universiti.

Bagi tujuan itu, Kerajaan komited untuk membuat pencarian global bagi mendapatkan kepimpinan akademik terbaik untuk program yang menyokong inovasi, juga menjalinkan usahasama dengan institusi penyelidikan global terulung bagi memastikan pemindahan pengetahuan yang mendalam dan mampan. Pada masa yang sama, kerjasama pendidikan dan latihan dengan industri

akan diutamakan bagi memudahkan mobiliti ahli akademik untuk menjalankan kontrak penyelidikan dan perundingan serta tenaga mahir daripada industri mengajar di universiti. Satu program akan diperkenalkan bagi menggalakkan penyertaan industri untuk turut sama membiayai pekerja memperoleh PhD dalam bidang perindustrian.

K-Infrastruktur

Infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan diperluas secara agresif dalam tempoh Rancangan untuk memudahkan kesalinghubungan kepada rangkaian pengetahuan global. Kerajaan mensasarkan 75% isi rumah mendapat liputan jalur lebar menjelang tahun 2015. Malaysia Research and Education Network (MyREN) akan terus dipromosi untuk membolehkan para penyelidik Malaysia berhubung dengan komuniti penyelidik global.

Kerajaan akan juga memberi tumpuan kepada pembangunan inovasi dan infrastruktur penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menyeluruh dalam bidang tertentu yang Malaysia mempunyai kelebihan kekuatan dan daya saing (seperti aktiviti hiliran minyak sawit, pertanian moden, minyak dan gas) untuk menjadi peneraju dunia dalam bidang ini. Inisiatif inovasi dan R&D akan diselaraskan dengan NKEA dan strategi kluster geografi bagi memastikan pembangunan sains dan teknologi selari dengan keseluruhan agenda ekonomi.

Dasar Perdagangan dan Pelaburan

Dasar perdagangan dan pelaburan akan lebih cenderung ke arah membina keupayaan inovasi dan juga akses kepada pasaran, pengeluaran dan jumlah pelaburan. Pakej insentif untuk FDI akan dikenakan syarat yang ketat bagi pemindahan pengetahuan berdasarkan petunjuk prestasi utama (KPI) dan akan dikaji setiap tiga hingga lima tahun. Insentif juga akan disediakan kepada syarikat multinasional (MNC) untuk menubuhkan pusat penyelidikan di Malaysia. Di samping akses kepada pasaran, FTA akan dimanfaatkan bagi pemindahan pengetahuan melalui program seperti pertukaran pelajar dan pekerja berpengetahuan serta kerjasama dalam pembangunan teknologi.

Undang-undang Insolvensi

Undang-undang insolvensi berkaitan syarikat dan individu akan dipermudah untuk menyokong budaya mengambil risiko, menghapuskan stigma kegagalan dan membenarkan syarikat atau individu yang gagal pada kali pertama untuk terus aktif dalam ekonomi. Kajian semula undang-undang kebangkrutan dijangka siap pada penghujung tahun 2010. Bagi memastikan proses pentadbiran insolvensi yang lebih efisien, Jabatan Insolvensi Malaysia akan dikorporatkan menjelang tahun 2015.

Program Inkubator

Inkubator merupakan instrumen penting bagi membentuk dan memupuk usaha niaga serta usahawan baru. Namun sehingga kini, impak, keberkesanan dan kemampunan inkubator adalah pelbagai. Bagi menjadikan inkubator instrumen yang berkesan dalam mempertingkatkan keupayaan inovasi negara, pendekatan baru seperti berikut akan diambil dalam RMKe- 10:

- Pembiayaan inkubator akan beralih secara berperingkat kepada pembiayaan sektor swasta dengan perkongsian awam-swasta sebagai satu lagi sumber pembiayaan;
- Inkubator akan digalakkan untuk beralih kepada model generasi ketiga yang bukan sahaja menyediakan ruang kerja tetapi juga perkhidmatan perniagaan dan pembangunan. Pengurus dan pengendali inkubator akan diberi latihan khusus untuk meningkatkan profesionalisme; dan
- Penubuhan inkubator baru akan tertakluk kepada kriteria penilaian yang ketat untuk memastikan kedudukan kewangan yang mampan. Impak serta keberkesanan inkubator akan diukur berdasarkan KPI yang jelas seperti kadar kematangan syarikat menjadi enterpris baru.

K-SME

EKS berasaskan pengetahuan (K-SME) memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada inovasi di kalangan syarikat Malaysia. Kerajaan akan menyokong pembangunan K-SME dengan menyediakan akses kepada skim pembiayaan khas, meningkatkan keupayaan penyelidikan dan inovasi serta menyediakan latihan kemahiran yang khusus. Selain itu, K-SME asing dalam aktiviti perkhidmatan dan pembuatan utama akan digalakkan beroperasi di negara ini untuk membawa masuk kemahiran dan pengetahuan khusus serta mewujudkan persekitaran yang kompetitif.

Mewujudkan Peluang Inovasi

Kerajaan akan terus mewujudkan insentif dan peluang kepada syarikat Malaysia untuk melabur dalam inovasi, melalui proses merangka peraturan dan perolehan awam.

Perolehan Awam

Proses perolehan awam yang bertambah baik adalah peluang utama bagi meningkatkan tahap inovasi syarikat Malaysia. Perolehan awam, walaupun besar jumlahnya, masih belum menjadi pemacu utama inovasi memandangkan ia tidak mendorong persaingan. Namun, proses bidaan terbuka yang semakin telus dijangka dapat meningkatkan persaingan dan memacu

inovasi apabila syarikat bersaing berasaskan harga dan kecekapan. Di samping itu, perolehan akan digunakan bagi mewujudkan permintaan kepada inovasi dan mendorong EKS untuk membangunkan produk dalam bidang yang berfaedah kepada negara dan mempunyai potensi komersil yang lebih besar, seperti ditunjukkan dalam *Kotak 3-2*.

Peraturan

Perubahan kawal selia adalah pemacu utama inovasi memandangkan syarikat bersaing untuk membangunkan produk baru yang lebih cekap, mesra alam dan selamat. Negara maju yang lain telah mewujudkan syarikat global utama melalui perubahan kawal selia yang mendorong syarikat membuat penyelesaian secara inovatif. Dalam tempoh RMKe- 10, beberapa perubahan kawal selia dijangka memacu inovasi.

Dasar Teknologi Hijau Negara akan mendorong permintaan terhadap teknologi hijau dalam menyediakan produk dan perkhidmatan hijau sebagai pilihan utama perolehan awam. Bagi menyokong usaha ini, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau akan terus memberi jaminan kredit sebanyak 60% kepada syarikat yang membangun atau menggunakan teknologi hijau. Syarikat akan terus digalakkan untuk memenuhi Standard Malaysia dan antarabangsa yang diiktiraf seperti *Hazard Analysis and Critical Control Points* dan Amalan Pengilangan Baik bagi barangan dan perkhidmatan.

**Kotak 3-2*****Memangkin inovasi melalui perolehan awam: Pasport elektronik***

Pengenalan pasport elektronik oleh Kerajaan Malaysia pada Mac 1998 telah menjadi perintis dalam transformasi keselamatan merentas sempadan. Pada ketika itu, dokumen perjalanan bercetak merupakan dokumen standard yang digunakan di seluruh dunia. Sejak pengenalan pasport elektronik, negara lain telah mengikuti langkah tersebut. Penggunaan pasport elektronik meningkat cepat selepas Organisasi Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) mengesyor supaya cip diletakkan di dalam pasport pada tahun 2003.

Lebih penting lagi, dengan langkah berani Kerajaan Malaysia memperkenalkan produk baru yang belum diuji, ia telah menjadi pemangkin perkembangan perniagaan pasport elektronik. Projek selanjutnya ialah *Auto Gate* di lapangan terbang dan Kiosk Pembaharuan Pasport.

Syarikat vendor yang merintis pasport elektronik ini telah menjadi syarikat bertaraf global yang menawarkan khidmat penyelesaian pasport elektronik kepada lebih 12 buah negara. Sebagai pengguna pertama pasport elektronik, Kerajaan Malaysia telah menjadi rujukan utama untuk syarikat ini memperluaskan perniagaannya ke pasaran antarabangsa.

Menyediakan Pemboleh Inovasi

Struktur institusi inovasi dan rejim harta intelek (IP) yang merupakan pemboleh inovasi yang penting akan diperkukuh dalam tempoh Rancangan.


Institusi

Kajian semula struktur institusi yang menyokong inovasi dan R&D adalah penting untuk menambah baik pencapaian inovasi. Inovasi memerlukan integrasi dasar dalam pelbagai bidang memandangkan ia bersifat multidimensi dan

multisektoral. Inovasi dipengaruhi oleh struktur institusi dan prestasinya bergantung kepada institusi berkenaan. Namun, dengan peredaran masa, institusi di Malaysia telah meluaskan skop asal dan ini mewujudkan pertindihan dan ketidakcekapan dalam pelaksanaan dasar dan program. Sehubungan itu, reformasi struktur institusi akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-5*. Struktur institusi ini akan diketuai oleh Jabatan Perdana Menteri bagi membolehkannya meliputi skop yang luas untuk mengambil kira inovasi yang merentas semua sektor dan bahagian rantaian nilai inovasi.

Carta 3-5

Struktur institusi yang menyokong inovasi dan R&D



Satu lagi elemen institusi yang penting dan perlu disemak adalah sistem penyelidikan. Dari sudut sejarah, organisasi penyelidikan Malaysia ditubuhkan untuk tujuan khusus (contoh, Institut Penyelidikan Getah Malaysia untuk penyelidikan getah). Dengan perubahan lanskap ekonomi dan disertai pengembangan peranan institusi pendidikan tinggi, terdapat keperluan untuk menjajar semula organisasi penyelidikan dengan sektor ekonomi utama dan seterusnya mengurangkan pertindihan.

Harta Intelekt

Rejim IP, termasuk kepakaran dan keupayaan institusi pemeriksa dan agen IP, akan dipertingkatkan untuk menambah baik iklim pelaburan dan keyakinan pelabur serta menyediakan persekitaran yang dinamik untuk mencipta produk dan perkhidmatan baru dan inovatif. Dalam usaha menambah baik lagi rejim perlindungan dan memendekkan tempoh memproses permohonan untuk kelulusan cap dagang (dari 15 ke 12 bulan) dan paten (dari 39 ke 32 bulan), kemudahan berasaskan web termasuk sistem pendaftaran perlindungan hak cipta secara sukarela dan pangkalan data bagi carian paten akan disediakan. Bagi menggalakkan pemfailan dan penyelenggaraan IP, Kerajaan akan menyediakan geran dan pinjaman mudah.

Membiayai Inovasi

Pembiayaan adalah kritikal kepada inovasi, tetapi lazimnya memerlukan sokongan Kerajaan di peringkat awal pembangunan dan pengkomersilan. Ini kerana pasaran sering kali tidak menawarkan pembiayaan modal dalam bidang ini yang merupakan bidang optimum bagi pembangunan ekonomi negara, seperti yang ditunjukkan dalam *Carta 3-6*. Ke arah ini, Kerajaan akan menyokong R&D dan pengkomersilan merentasi rantaian nilai menerusi beberapa inisiatif dalam tempoh Rancangan, seperti yang ditunjukkan dalam *Carta 3-7*.

Dalam tempoh Rancangan, industri modal berisiko akan diperkukuhkan bagi membiayai syarikat baru mula yang inovatif. Kaedah pembiayaan baru bagi syarikat teroka awam akan diperkenalkan untuk memadankan lagi profil risiko pelaburan dan menggalakkan lebih banyak penyertaan sektor swasta serta pengambilan risiko. Pembiayaan Kerajaan kepada syarikat teroka awam seperti Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan Malaysian Venture Capital Management Berhad (MAVCAP), akan beralih daripada model pinjaman sedia ada kepada berstruktur ekuiti. Dana Inovasi Mudharabah dengan peruntukan sebanyak RM500 juta akan diperkenalkan bagi menyediakan modal berisiko kepada syarikat modal teroka awam. Dana ini akan menawarkan profil pulangan risiko yang lebih baik kepada pelabur dan selanjutnya akan menarik modal risiko swasta yang lebih besar untuk turut sama melabur serta beransur-ansur mengurangkan pergantungan kepada dana awam.

Menyediakan Pemboleh Inovasi

Struktur institusi inovasi dan rejim harta intelek (IP) yang merupakan pemboleh inovasi yang penting akan diperkukuh dalam tempoh Rancangan.


Institusi

Kajian semula struktur institusi yang menyokong inovasi dan R&D adalah penting untuk menambah baik pencapaian inovasi. Inovasi memerlukan integrasi dasar dalam pelbagai bidang memandangkan ia bersifat multidimensi dan

multisektoral. Inovasi dipengaruhi oleh struktur institusi dan prestasinya bergantung kepada institusi berkenaan. Namun, dengan peredaran masa, institusi di Malaysia telah meluaskan skop asal dan ini mewujudkan pertindihan dan ketidakcekapan dalam pelaksanaan dasar dan program. Sehubungan itu, reformasi struktur institusi akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan, seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-5*. Struktur institusi ini akan diketuai oleh Jabatan Perdana Menteri bagi membolehkannya meliputi skop yang luas untuk mengambil kira inovasi yang merentas semua sektor dan bahagian rantaian nilai inovasi.


Carta 3-5

Struktur institusi yang menyokong inovasi dan R&D



Carta 3-7

Pembangunan dan Penyelidikan Kerajaan dan Dana Pengkomersilan di bawah tempoh Rancangan



Bagi merapatkan jurang pembiayaan antara reka cipta dan pengkomersilan produk berteknologi tinggi, Kerajaan akan menubuhkan Dana Perkembangan Perniagaan dengan peruntukan sebanyak RM150 juta. Fokus dana ini adalah untuk menyokong syarikat mengkomersilkan hasil penyelidikan sektor awam dan menyediakan pembiayaan hibrid geran-ekuiti. Matlamat dana adalah untuk menyokong syarikat sehingga mereka dapat menjana nilai komersil yang cukup bagi menarik pembiayaan modal teroka dan pembiayaan lain-lain institusi.

Inisiatif modal teroka awam sedia ada akan dirasionalisasi. MTDC akan distruktur semula supaya lebih fokus dalam melaksanakan mandat pembangunannya untuk memupuk pemindahan

teknologi dan pengkomersilan. Di samping itu, sebuah syarikat pelaburan teknologi baru akan ditubuhkan untuk mengurus dana dan pelaburan yang dipindahkan daripada MTDC dan Khazanah Nasional.

Kerajaan akan terus membiayai inovasi dengan memberi potongan cukai untuk R&D dan menyediakan geran setara bagi menggalakkan sektor swasta membiayai R&D dan pengkomersilan. Di samping itu, satu program khusus dikenali sebagai 1-InnoCERT yang menilai tahap inovasi enterpris, akan merangsang lagi aktiviti R&D melalui insentif pembiayaan seperti akses kepada pinjaman mudah, jaminan kredit dan geran.



MERASIONALISASI PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN

Bagi meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam ekonomi, langkah akan diambil secara aktif untuk merasionalisasi penglibatan Kerajaan dan GLC dalam perniagaan. Tiga inisiatif utama akan dilaksanakan bagi tujuan ini, iaitu:

- Meningkatkan program penswastan dan PPP;
- Menubuhkan dana fasilitasi; dan
- Mencapai keseimbangan yang sesuai antara Kerajaan, GLC dan sektor swasta.

Meningkatkan Penswastan dan Perkongsian Awam-Swasta

Malaysia telah memulakan program penswastan sejak tahun 1983 dan sehingga kini sebanyak 510 projek penswastan dan perkongsian awam-swasta telah dilaksanakan meliputi sektor pengangkutan, jalan raya, komunikasi, kesihatan dan tenaga. Di bawah RMKe-9, sebanyak 22 projek dengan anggaran kos berjumlah RM12 bilion telah dilaksanakan melalui penswastan dan PPP.

Di bawah RMKe-10, gelombang baru penswastan akan dilaksanakan bagi meningkatkan pelaburan swasta di dalam ekonomi, menambah baik kecekapan penyampaian perkhidmatan serta

mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Penswastan dan PPP akan dipergiat lagi dalam tempoh Rancangan melalui pelaksanaan 52 projek yang dianggarkan bernilai RM62.7 bilion. Projek yang sedang dipertimbangkan termasuk tujuh lebuh raya bertol, lima kampus cawangan Universiti Teknologi MARA, Terminal Pengangkutan Bersepadu di Gombak, penswastan Pelabuhan Pulau Pinang dan pembangunan semula Kompleks Angkasapuri, Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Media.

Bagi memastikan penjanaan nilai, strategi untuk memperkukuhkan penswastan dan PPP akan merangkumi:

- *Monetisation* aset awam menerusi penjualan, usaha sama atau pajakan jangka panjang bagi tanah yang berpotensi komersil, seperti tanah Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh dan projek pembangunan tanah 1Malaysia Development Berhad di Sungai Besi;
- Menyediakan semakan terperinci bagi memastikan syarikat pencadang memenuhi kriteria minimum yang ditetapkan termasuk kedudukan kewangan, rekod prestasi dan pengurusan yang cemerlang;
- Memperkukuh rangka kerja pemantauan termasuk penubuhan unit pemantauan projek

yang mantap untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek dan pematuhan kepada obligasi kontrak; dan

- Menerima pakai kaedah nilai untuk wang seperti pengagihan risiko yang optimum antara sektor awam dan swasta, kos jangka hayat, spesifikasi output yang membenarkan pembida membuat inovasi dalam rekabentuk projek, persaingan yang memberi nilai berpatutan dan mekanisme pembayaran berasaskan prestasi.

Menubuhkan Dana Fasilitasi

Satu dana akan diwujudkan bagi memudahkan pelaburan sektor swasta dalam projek yang mempunyai nilai strategik kepada negara dan kesan pengganda yang tinggi. Dana bernilai RM20 bilion akan digunakan bagi merapatkan jurang daya maju pelaburan swasta dalam bidang keutamaan seperti projek infrastruktur, pendidikan, pelancongan dan kesihatan. Tumpuan akan diberi kepada pelaburan baru dan usaha sama berskala besar yang sejajar dengan keutamaan strategik negara. Projek yang sedang dipertimbangkan termasuk Taman Teknologi Tinggi Senai di Iskandar Malaysia, Johor dan Bekalan Air Mentah ke Kompleks Perindustrian di Tanjong Langsat, Johor.

Projek yang mempunyai nilai kos modal minimum atau pelaburan sebanyak RM100 juta layak

diberi pertimbangan. Sektor swasta dikehendaki membiayai dan menanggung semua risiko projek dan pembiayaan Kerajaan hanya untuk meningkatkan daya maju projek. Pemohon perlu membuktikan bahawa pembiayaan projek telah diperoleh sebelum dana boleh disalurkan.

Dana ini akan diguna bagi membiayai kos tanah dan kemudahan asas seperti pembinaan jalan masuk, jambatan, penyediaan bekalan air yang diperlukan bagi memastikan projek berdaya maju. Penggunaan dana ini akan dibuat berasaskan bayaran balik atau bayaran kemajuan. Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri akan menjadi urus setia yang bertanggungjawab bagi memproses kelulusan, menyalur dan memantau dana tersebut.

Mencapai Keseimbangan yang Sesuai antara Kerajaan, GLC dan Sektor Swasta

Dalam mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi, terdapat keperluan untuk memastikan keseimbangan yang sesuai antara Kerajaan, GLC dan sektor swasta serta mewujudkan garis pemisah di antara pengawal selia dengan pengendali. Ini penting untuk mempercepatkan pelaburan sektor swasta dan mewujudkan platform yang berkesan bagi syarikat Malaysia bersaing di peringkat serantau dan global.

Merasionalisasi Peranan GLC dalam Ekonomi

Peranan GLC akan dirasionalisasi untuk memberi tumpuan kepada bidang yang membantu merencanakan sektor swasta. Pada masa yang sama, GLC akan mengurangkan penglibatan dalam bidang yang tidak meningkatkan nilai. Aset bukan teras dan bukan kompetitif milik GLC akan dilupuskan secara berperingkat dalam bidang yang pemegang saham baru strategik mempunyai potensi untuk meningkatkan nilai. Namun, bagi bidang pertumbuhan baru yang mempunyai halangan kemasukan yang tinggi dan kurang atau tidak langsung diceburi oleh sektor swasta, GLC akan terus memangkin dan memupuk pembangunan untuk mengurang halangan kemasukan dan membantu membangunkan kelompok kritikal yang diperlukan bagi merangsang pelaburan swasta. GLC akan juga melabur bersama sektor swasta untuk meneroka pasaran baru dan memastikan syarikat Malaysia mencapai kejayaan yang lebih besar di peringkat global. Kerjasama seperti ini akan menggalakkan konsep inklusif dan kemasukan pelaburan swasta.

Kerajaan juga akan memastikan kesetaraan persaingan antara GLC dan sektor swasta

tanpa layanan istimewa kepada GLC. Pengenalan Undang-undang Persaingan juga akan memastikan persaingan adil bagi semua syarikat termasuk GLC dan akan mengawal salahguna kuasa dominan pasaran.

Merasionalisasi Peranan Kerajaan dalam Ekonomi

Bagi merasionalisasi peranan sektor awam, penswastaaan syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan seperti Percetakan Nasional Berhad, CTRM Aero Composite, Nine Bio Sdn. Bhd. dan Inno Bio Sdn. Bhd. akan diselesai dalam tempoh Rancangan. Kerajaan akan melupuskan pemilikan sahamnya untuk memastikan aset dipegang secara meluas dan inisiatif pelupusan serta penswastaaan tidak memberi kesan negatif kepada kepentingan awam atau kesejahteraan rakyat. Dalam melaksanakan pelupusan, semakan rapi akan dijalankan untuk memelihara kepentingan awam. Di samping itu, ketelusan proses akan memastikan pembida swasta berpotensi memenuhi kriteria minimum, termasuk status kewangan, kejayaan pengembangan perniagaan dan kecemerlangan pengurusan serta cadangan syarikat menyokong prinsip 1Malaysia.

Memisahkan Peranan Pengendali dan Pengawalselia

Selaras dengan objektif menggalakkan ketelusan, persekitaran kawal selia yang kukuh dan adil untuk menggiatkan sektor swasta, garis pemisah yang jelas di antara peranan pengawal selia dengan peserta pasaran akan diperkenal. Sehubungan

itu, dalam tempoh Rancangan, peranan Kerajaan dalam bidang kesihatan awam, bekalan elektrik dan telekomunikasi akan dikaji semula. Ini akan menghapuskan herotan, menggalak persaingan sihat antara semua peserta termasuk GLC, mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta mewujudkan keadaan permintaan dan penawaran yang sesuai.



MEMBANGUNKAN EKS SEBAGAI JENTERA PERTUMBUHAN DAN INOVASI


EKS yang mewakili 99.2% daripada semua perniagaan di Malaysia dan menyumbang 56.4% kepada jumlah guna tenaga di negara ini, merupakan komponen penting bagi ekonomi Malaysia dan berpotensi sebagai jentera utama pertumbuhan dan inovasi. Dalam tempoh RMKe-9, walaupun menghadapi pelbagai cabaran, nilai ditambah EKS telah berkembang pada kadar 7.8% iaitu lebih pantas daripada keseluruhan pertumbuhan ekonomi. Sehubungan itu, sumbangan EKS kepada KDNK telah meningkat daripada 29.4% pada tahun 2005 kepada 31.4% pada tahun 2008, seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-8*. Peningkatan ini adalah hasil daripada

inisiatif dasar yang diperkenalkan Kerajaan termasuk penyelarasan yang lebih baik antara Kementerian dan agensi dengan penubuhan Majlis Pembangunan EKS Kebangsaan (NSDC). Namun begitu, sumbangan kepada KDNK oleh EKS Malaysia masih rendah berbanding dengan negara penanda aras di Asia Pasifik seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-9* dan terdapat ruang bagi meningkatkan lagi tahap produktiviti di kalangan EKS dengan menangani isu struktural.

Kerajaan komited dalam usaha menyerlahkan potensi pertumbuhan dan inovasi EKS sepanjang tempoh Rancangan bagi melahirkan juara


Carta 3-8

Sumbangan EKS kepada KDNK meningkat, dengan 86% EKS Malaysia dalam sektor perkhidmatan



Carta 3-9

Sumbangan EKS Malaysia kepada KDNK adalah rendah berbanding negara lain



¹ Dikira sebagai nilai ditambah kepada ekonomi, apabila sumbangan kepada KDNK tidak tersedia ² 2008. ³ 2006
 SUMBER: Strategy Package for Higher Growth and Structural Change, 2009, Unit Perancang Ekonomi; tinjauan tahunan; Bengkel EKS; MoF Policy Research Institute, Japan.

domestik, serantau dan global. Bagi tujuan ini, inisiatif seperti berikut akan diambil:

- Mengurangkan kos kawal selia yang ditanggung EKS;
- Membina keupayaan dan kebolehan EKS;
- Menyokong pewujudan budaya keusahawanan;
- Mengukuh sistem sokongan EKS; dan
- Meningkatkan akses EKS kepada pembiayaan.

Sebagai agensi penyelaras pusat, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama kementerian dan agensi yang berkaitan, akan bertanggungjawab

untuk mencapai sasaran pembangunan EKS. SME Corp. Malaysia akan menyelaras program termasuk pembiayaan yang ditawarkan oleh pelbagai kementerian dan agensi bagi mengurangkan pertindihan dan ketidakcekapan serta memantau dan menilai kesan daripada program tersebut. SME Corp. Malaysia akan melapor kepada NSDC yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri setiap tahun.

Mengurangkan Kos Kawal Selia yang Ditanggung EKS

Terdapat beberapa isu kawal selia yang dirasakan bercanggah oleh EKS yang lazimnya tidak mempunyai sumber kewangan untuk memenuhi

keperluan syarat kawal selia secara berkesan kos. Kajian Bank Dunia 2010 telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-88 dan ke-57 bagi dua isu kritikal iaitu memula dan menutup perniagaan. Dalam tempoh Rancangan, bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan, Kerajaan akan mengecualikan beberapa peraturan perniagaan yang membebaskan untuk syarikat yang mempunyai lima orang pekerja atau kurang sehingga syarikat berkembang melebihi lima pekerja. Beberapa peraturan akan dipermudahkan untuk syarikat ini dalam urusan seperti pendaftaran perniagaan dan keperluan tenaga kerja. Pengalaman di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa kaedah ini amat berkesan untuk merangsang aktiviti keusahawanan, seperti ditunjukkan dalam *Kotak 3-3*.

Membina Keupayaan dan Kebolehan

Perkembangan EKS pada masa kini dikekang oleh kekurangan tenaga mahir. Program bagi menangani kekangan ini dalam tempoh Rancangan termasuk:

- **Latihan di MNC/syarikat besar.** Latihan praktikal akan diberi kepada pekerja syarikat EKS yang membekalkan produk dan perkhidmatan kepada syarikat besar dan MNC bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Ini memastikan EKS

Kotak 3-3

Contoh antarabangsa Kerajaan yang menggalakkan aktiviti keusahawanan

Kerajaan Perancis telah memperkenalkan skim “auto entrepreneur” pada 2009 sebagai satu cara untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti memulakan perniagaan dan keusahawanan. Skim ini termasuk langkah untuk menambah baik aliran tunai di kalangan syarikat baru dengan membenarkan syarikat mengagih kos caj keselamatan sosial dan cukai pendapatan; memudah dan mengurangkan kos pendaftaran perniagaan; dan memberi lebih perlindungan kepada aset persendirian daripada kebangkrutan. Skim ini telah melangkaui jangkaan dengan kira-kira 320,000 pendaftaran perniagaan. Pada tahun 2009, pendaftaran syarikat baru di Perancis meningkat sebanyak 75%.

Selain menggalak usahawan untuk memulakan perniagaan, kerajaan juga telah melaksanakan dasar untuk membantu mereka berkembang ke status majikan (kerana kebanyakan perniagaan tidak pernah mengambil pekerja selain pemilik). Sebagai contoh, New Zealand telah memperkenalkan subsidi gaji kepada syarikat yang mengambil lima orang pekerja atau kurang. Ini bertujuan untuk mengurangkan satu daripada kos berkaitan pengambilan pekerja tambahan menggunakan *payroll agent*. Langkah lain yang telah dipertimbangkan adalah mengecualikan EKS daripada beberapa undang-undang pekerjaan (contohnya pengambilan dan pemecatan pekerja) dan peruntukan untuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

mampu memenuhi keperluan dan piawaian khusus oleh syarikat besar tersebut;

- **Program latihan kemahiran.** Kursus dalam bidang pengurusan, kewangan, pemasaran dan aplikasi ICT akan disediakan oleh institut latihan yang diiktiraf Kerajaan dengan sasaran 20,000 EKS dalam tempoh Rancangan;
- **Pelan latihan industri jangka sederhana.** Bagi menyokong EKS dalam pengurusan modal insan, Kerajaan akan bekerjasama dengan pertubuhan perdagangan dan industri untuk membangunkan pelan latihan jangka sederhana dan menjalankan latihan berkaitan industri; dan
- **Memanfaatkan sumber latihan luar negara.** Kerajaan akan membantu EKS mendapat latihan dalam bidang yang tidak ditawarkan dalam negara dengan mengambil pakar dan jurulatih asing. Malaysia akan menggalak hubungan dengan pusat latihan luar negara menerusi kerjasama antara Kerajaan bagi merangka kursus khas untuk EKS.

Menyokong Pewujudan Budaya Keusahawanan

Kerajaan komited untuk melabur dalam kreativiti dengan merangsang keusahawanan. Untuk menambah bilangan perniagaan baru dan menggalakkan budaya keusahawanan

di Malaysia, Kerajaan akan menambah baik Program Internship Universiti-EKS. Di bawah program ini, pelajar universiti yang mempunyai kemahiran tertentu akan ditempatkan di syarikat untuk tempoh dua hingga tiga bulan bagi mendapat pengalaman bekerja dan pengetahuan terkini mengenai amalan perniagaan. Kerajaan juga akan mempromosi keusahawanan kepada golongan muda dengan menaja pertandingan pelan perniagaan di sekolah dan universiti, memperkenalkan kurikulum berkaitan perniagaan dan membiayai kempen umum yang mempamerkan usahawan Malaysia yang berjaya. Matlamatnya adalah mewujudkan 2,000 perniagaan baru oleh pelajar dan graduan pada akhir tempoh Rancangan.

Mengukuh Sistem Sokongan EKS

Sistem sokongan EKS akan ditambah baik dari pelbagai segi dalam tempoh Rancangan bagi membolehkan EKS memenuhi potensi mereka:

- Bagi meningkatkan penerimaan produk dan perkhidmatan EKS, pensijilan kualiti *National Mark* akan terus dipromosi. Selain itu, untuk menyokong EKS dalam pembangunan jenama, latihan bagi mempertingkatkan kebolehan akan disediakan dengan kerjasama universiti. Inisiatif galeri bergerak penjenamaan dan pembungkusan yang menawarkan khidmat

nasihat akan turut diperluas ke pekan kecil. Di samping itu, ruang niaga khusus akan diwujudkan di seluruh negara dengan penyertaan sektor swasta bagi mempromosi dan memasarkan produk dan perkhidmatan EKS.

- Bagi menyokong inovasi, 1-InnoCERT akan diperkenal untuk mengiktiraf EKS berdasarkan pencapaian inovasi dan pengkomersilan. EKS yang mendapat pensijilan 1-InnoCERT akan mendapat faedah seperti potongan cukai untuk aktiviti R&D dan keutamaan dalam perolehan Kerajaan. Menjelang tahun 2015, 500 EKS disasarkan menerima pengiktirafan 1-InnoCERT; dan
- Bagi mempertingkatkan liputan, SME Corp. Malaysia akan menambah pejabat cawangan dengan pusat niaga di semua negeri. Pejabat ini akan menyebarkan maklumat mengenai pembiayaan dan insentif, menyediakan bimbingan dan kaunseling serta berperanan sebagai pusat penjelasan isu berkaitan EKS. Maklumat perdagangan berpusat secara *online* akan juga disediakan untuk meningkatkan akses kepada peluang perniagaan di luar negara.

Meningkatkan Akses EKS kepada Pembiayaan

Salah satu keperluan utama bagi pertumbuhan EKS ialah akses kepada pembiayaan untuk membiayai operasi dan pelaburan modal. EKS

terus mendapat akses pembiayaan lebih baik daripada institusi kewangan dengan kadar kelulusan sebanyak 82% antara tahun 2006 hingga tahun 2009. Dalam tempoh ini, sebanyak 524,000 EKS mendapat faedah daripada pembiayaan sebanyak RM220 bilion. Pembiayaan bank untuk perniagaan EKS meningkat daripada 27% pada penghujung tahun 1998 kepada 40% pada penghujung Mac tahun 2010. Malaysia telah disenaraikan oleh Bank Dunia di kedudukan pertama dalam kategori 'Getting Credit' untuk tiga tahun berturut-turut bermula dari tahun 2008 hingga tahun 2010.

Namun, sebahagian EKS yang baru memulakan perniagaan dalam bidang pertumbuhan baru masih mengalami kesukaran untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan dan jaminan disebabkan kekurangan rekod prestasi. Bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan untuk EKS ini, beberapa program akan dilaksanakan, seperti berikut:

- **Modal teroka dan ekuiti persendirian.** Pembangunan industri modal teroka dan ekuiti persendirian akan dipercepat untuk menyediakan modal berisiko bagi EKS yang inovatif dalam bidang pertumbuhan baru;
- **Pembiayaan dan jaminan.** Skim pembiayaan khas oleh institusi pembangunan kewangan dan institusi lain yang terlibat akan diberi kepada EKS yang menceburi bidang pertumbuhan baru;

- **Pinjaman mudah dan hibrid.** Bagi meningkatkan lagi akauntibiliti dan pemilikan serta amalan budaya kredit baik, bantuan kewangan akan disedia kepada EKS dalam bentuk pinjaman mudah atau pinjaman geran hibrid. Skim geran akan dikurangkan secara berperingkat dan hanya akan diguna sebagai insentif bagi EKS yang cemerlang. Pinjaman ini bertujuan untuk membantu EKS memperoleh premis perniagaan, menaik taraf kelengkapan dan membiayai modal kerja;
- **Skim Jaminan Modal Kerja (WCGS).** Skim ini telah diperkenalkan di bawah pakej rangsangan ekonomi pada tahun 2008 dengan peruntukan sebanyak RM7 bilion untuk membantu syarikat semasa kelembapan ekonomi. Skim WCGS ini akan diperkenal semula;
- **Pusat bantuan kewangan.** Perkhidmatan nasihat kewangan akan dipertingkat dengan pewujudan pusat bantuan kewangan di persatuan dan dewan perniagaan yang akan dipromosi melalui jerayawara bagi meningkatkan kesedaran; dan
- **Kaedah pengukuran.** Institusi kewangan akan digalakkan mengguna pakai *SME Competitive Rating for Enhancement (SCORE)*, iaitu kaedah pengukuran untuk penarafan prestasi EKS di peringkat syarikat sebagai pelengkap bagi menilai kebolehpercayaan kredit EKS.

Melalui bantuan kewangan dan perkhidmatan khidmat nasihat serta latihan, sebanyak 16,000 EKS disasar akan berupaya mengembangkan perniagaan dan menambah baik penarafan bintang di bawah sistem SCORE dalam tempoh Rancangan.



BERSAING DI PERINGKAT GLOBAL

Malaysia beroperasi dalam persekitaran serantau dan global yang semakin kompetitif. Sebagai sebuah ekonomi kecil, kejayaan Malaysia untuk mencapai sasaran pertumbuhan akan ditentu oleh sejauh mana ia mampu bersaing dalam memasarkan barangan dan perkhidmatan di pasaran global. Begitu juga dengan kemampuan bersaing untuk mendapatkan modal, syarikat dan modal insan cemerlang. Menurut *World Competitiveness Yearbook 2010* oleh *International Institute for Management Development*, kedudukan Malaysia meningkat dengan ketara daripada tangga ke-18 pada tahun 2009 kepada tangga ke-10 seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-10*. Dalam tempoh Rancangan,

Kerajaan akan terus menambah baik kedudukan daya saing dengan memberi tumpuan kepada dua bidang utama:


- Bersaing dalam pasaran global untuk memastikan Malaysia berjaya dalam perdagangan antarabangsa; dan
- Bersaing hebat untuk menarik bakat dan pelaburan asing ke Malaysia.

Bersaing dalam Pasaran Global

Perdagangan antarabangsa adalah komponen penting ekonomi. Pada masa ini, nilai perdagangan melebihi dua kali ganda berbanding KDNK

Carta 3-10

Malaysia di kedudukan ke-10 dalam papan mata daya saing dunia 2010



Nota: Nilai angka di dalam kurungan merujuk kepada kedudukan 2009, nilai pada bahagian kiri carta bukan di dalam kurungan merujuk kepada kedudukan 2010, nilai angka pada bahagian kanan carta adalah index (0 hingga 100)
SUMBER: IMD World Competitiveness Yearbook 2010

dengan eksport kasar berjumlah RM1.16 trilion pada tahun 2009 dan dijangka meningkat hampir dua kali ganda kepada RM2.19 trilion pada tahun 2015. Ketika ini, kira-kira 60% daripada eksport Malaysia adalah dengan negara yang telah menandatangani FTA dengan Malaysia, sama ada secara dua hala atau melalui ASEAN. Malaysia akan memanfaatkan FTA dan memperkenalkan beberapa inisiatif untuk menambah bahagian pasaran eksport global seperti berikut:

- Memperluas pasaran eksport;
- Membantu syarikat Malaysia menembusi pasaran eksport;
- Merancak momentum perdagangan melalui FTA; dan
- Mengurangkan kos transaksi.

Memperluas Pasaran Eksport

Menyedari kepentingan perdagangan kepada ekonomi Malaysia dan meningkatnya persaingan untuk pasaran, promosi eksport akan diperhebat ke pasaran yang pesat berkembang di Asia Timur, India dan negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) serta pasaran baru muncul seperti Afrika, Amerika Latin dan Asia Tengah. Peluang dalam pasaran tradisional seperti ASEAN, Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU) akan dioptimum dengan perluasan ke segmen pasaran baru serta memperkukuh kredibiliti produk dan

perkhidmatan Malaysia. ASEAN akan menjadi tumpuan utama memandangkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN telah direalisasikan sepenuhnya dan mewujudkan pasaran bebas cukai merangkumi 600 juta orang.

Syarikat Malaysia akan dibantu untuk mempromosi produk dan perkhidmatan melalui misi pemasaran khas, *incoming buying mission*, misi pelaburan dan pameran perdagangan. Inisiatif penjenamaan akan diperhebatkan lagi bagi mewujudkan lebih banyak jenama Malaysia bertaraf global. Kebolehan syarikat Malaysia untuk mengeksport akan diperkukuh melalui pelbagai program sokongan. Syarikat akan digalakkan menggunakan pakai dan mematuhi piawaian antarabangsa, memenuhi keperluan kualiti, keselamatan dan alam sekitar untuk meningkatkan akses pasaran produk dan perkhidmatan mereka.

Membantu Syarikat Malaysia Menembusi Pasaran Eksport

Perluasan perniagaan ke pasaran eksport terus menjadi cabaran kepada kebanyakan syarikat Malaysia. Bagi membantu perluasan syarikat Malaysia ke pasaran eksport, Kerajaan akan menyediakan bantuan dalam bentuk promosi eksport, menambah baik penjenamaan antarabangsa bagi pengeksport utama dan membina keupayaan. Beberapa inisiatif khusus termasuk:

- **Geran Eksport Perkhidmatan.** Bantuan kewangan untuk menjalankan kajian kemungkinan dan mendapatkan tender projek antarabangsa serta aktiviti promosi eksport;
- **Program Promosi Jenama.** Bantuan kewangan kepada syarikat untuk membangunkan jenama dalam pasaran antarabangsa seperti strategi penjenamaan, latihan pembangunan jenama, menjalankan penyelidikan pasaran dan menyertai acara antarabangsa. Sasaran adalah untuk melahirkan 200 jenama Malaysia yang dikenali di peringkat antarabangsa menjelang 2015;
- **Institut Eksport Malaysia.** Menubuh Institut Eksport Malaysia untuk memberi latihan kepada pengeksport Malaysia dan menyediakan maklumat berkaitan sasaran pasaran eksport; dan
- **EXIM Bank.** Mempertingkatkan keupayaan EXIM Bank menyediakan pembiayaan untuk pelbagai jenis syarikat Malaysia mengeksport produk dan perkhidmatan.

Sokongan tambahan akan diberi kepada EKS memandangkan sumbangan eksport EKS kepada eksport Malaysia adalah sangat rendah. Seperti di kebanyakan negara lain, mengeksport adalah lebih mencabar kepada EKS berbanding syarikat

besar. Kerajaan akan memperkenalkan beberapa dasar dan aktiviti yang lebih berkesan untuk membantu EKS menembusi pasaran eksport. Antara aktiviti termasuk program sokongan bagi menggalakkan penyertaan EKS dalam acara perdagangan, latihan eksport, menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan di luar negara yang dikongsi bersama serta bantuan kewangan seperti Geran Pembangunan Pasaran yang mensasarkan 4,000 pengeksport baru dalam tempoh Rancangan.

Merancang Momentum Perdagangan daripada FTA

Sehingga kini Malaysia telah memuktamadkan FTA dua hala dengan Jepun, Pakistan dan New Zealand serta perjanjian serantau ASEAN dengan China, Jepun, Korea, India dan Australia-New Zealand.

Membina momentum perdagangan yang telah dimuktamadkan adalah cabaran yang perlu dihadapi. Di bawah tempoh Rancangan, salah satu fokus penting adalah membantu syarikat Malaysia memaksimumkan potensi daripada FTA. Berdasarkan pengalaman negara lain, menandatangani FTA tidak semestinya meningkatkan eksport. Bukti terkini menunjukkan hanya sekitar 20% syarikat di Asia mendapat faedah langsung daripada

keutamaan yang disediakan di bawah FTA. Bagi memperoleh potensi FTA sepenuhnya, Kerajaan akan membantu syarikat memahami peluang yang disediakan oleh FTA dan menyediakan sokongan untuk mengakses peluang dalam pasaran berkenaan.

Melangkah ke hadapan, walaupun WTO kekal menjadi platform utama untuk membuka pasaran berasaskan Layanan Negara Teristimewa, Malaysia akan terus melibatkan diri dalam hubungan dua hala dan peraturan keutamaan perdagangan serantau dengan rakan dagangan utama bagi melengkapkan usaha dalam WTO serta

meneroka akses yang lebih baik ke pasaran persendirian. Dalam tempoh Rancangan, Malaysia akan mensasarkan peraturan keutamaan perdagangan dengan EU, *Transpacific Strategic Partnership*, ASEAN+3 dan beberapa ekonomi baru muncul. Bagi memuktamadkan FTA baru, syarikat Malaysia akan membuat penilaian kos-faedah rapi untuk memastikan pencapaian yang menguntungkan.


Mengurang Kos Transaksi

Pengalaman antarabangsa menunjukkan bahawa mempertingkatkan rantai bekalan dan

Carta 3-11

Persekitaran rantai penawaran lebih penting daripada tarif

Keberkesanan relatif tindakan untuk meningkatkan perdagangan dengan negara berpendapatan rendah, % kenaikan dalam import



SUMBER: 'Trade Policy, Trade Costs, and Developing Country Trade' Hoekman dan Nicita, Bank Dunia, 2008

mengurangkan kos transaksi adalah lebih efektif berbanding dengan pengurangan halangan tarif dan bukan tarif seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-11*. Program yang aktif untuk mengurangkan kos transaksi seperti prosedur kastam dan logistik akan dilaksanakan untuk memudahkan perdagangan dan menyerlah potensi FTA. Ini termasuk perluasan sektor perkhidmatan NSW merangkumi perkhidmatan untuk deklarasi Zon Bebas, deklarasi barangan berbahaya dan permit bukan kastam. Kerajaan akan juga mempromosi penggunaan ICT lebih meluas dalam penyediaan perkhidmatan kastam dan logistik melangkaui sempadan serta mengkaji semula semua


peraturan dan prosedur berkaitan perdagangan dengan tujuan mengurangkan kos dan masa serta mempertingkatkan kecekapan.

Persaingan untuk Menarik Pelaburan dan Bakat Asing ke Malaysia

Persaingan di peringkat global dan serantau untuk menarik bakat dan FDI adalah semakin sengit. Bagi mencapai sasaran menjadi negara maju pada tahun 2020, Malaysia perlu menambahbaik prestasi untuk menarik dan mengekalkan aliran FDI. Seperti yang ditunjukkan dalam *Carta 3-12*,


Carta 3-12

Aliran masuk tahunan FDI Malaysia hanya meningkat sebanyak 1% daripada CAGR



Carta 3-13

Bilangan keseluruhan ekspatriat di Malaysia menurun sejak tahun 2000



Malaysia tidak setanding dengan negara lain di rantau ini dari segi menarik FDI. Malaysia juga tidak menarik dan mengekalkan bakat asing dalam negara, seperti yang ditunjukkan dalam *Carta 3-13*. Bagi mempertingkatkan prestasi dalam bidang penting ini, beberapa inisiatif akan dilaksanakan seperti berikut:

- Menanda aras daya tarikan Malaysia;
- Memperkasa Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk menarik pelaburan; dan
- Melabur dalam pengambilan bakat.

Menanda Aras Daya Tarikan Malaysia

Kerajaan akan menjalankan kaji selidik tahunan bagi mendalami pemahaman mengenai penentu keputusan berkaitan lokasi oleh pelabur, syarikat dan individu. Setelah faktor utama dikenalpasti, maklumat mengenai faktor ini akan dikumpul dan Malaysia akan ditanda aras dengan negara lain. Maklumat ini akan diguna dalam proses membuat keputusan dasar bagi memastikan Malaysia berada pada kedudukan terbaik untuk bersaing mendapatkan modal dan bakat. Berdasarkan kepada penandaarasan ini, negara akan membuat penyelarasan yang sesuai bagi

meningkatkan daya tarikan. Antara inisiatif yang akan dipertimbang adalah mengurangkan beban kawal selia, menyediakan insentif mengikut kesesuaian industri dan mengurangkan kadar cukai korporat dan perseorangan dalam sektor dan lokasi tertentu, seperti kadar 15% cukai pendapatan yang kini diberi kepada pekerja berpengetahuan yang layak dan bekerja serta menetap di Iskandar Malaysia, Johor pada masa ini. Di samping itu, infrastruktur fizikal dan kemudahan utiliti termasuk taman perindustrian akan dinaik taraf untuk menyokong industri.

Memperkasa MIDA untuk Menarik Pelaburan

MIDA merupakan agensi utama bagi mempromosi sektor pembuatan dan perkhidmatan. MIDA akan mensasarkan pelaburan domestik dan FDI dalam sektor dan lokasi yang diutamakan serta juga yang menyokong inovasi dan meningkatkan produktiviti. Tumpuan adalah untuk menarik pelaburan yang berkualiti dan bukannya bilangan. Beberapa perubahan penting akan dilakukan ke atas MIDA dalam tempoh Rancangan untuk menjadikannya agensi promosi pelaburan yang lebih berkesan. Perubahan ini akan membolehkan MIDA meluluskan insentif serta merta dan mengambil masa yang singkat untuk bekerjasama dengan pelabur secara lebih berkesan. MIDA akan:

- Dikorporat bagi membolehkannya mempunyai fleksibiliti yang diperlukan untuk menarik dan mengekalkan bakat yang diperlukan supaya menjadi kompetitif di peringkat antarabangsa;
- Diberi kuasa untuk berunding terus dengan pelabur bagi projek yang disasarkan; dan
- Dilantik sebagai agensi pusat untuk mempromosi pelaburan bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan (kecuali perkhidmatan utiliti dan kewangan) bagi meningkatkan penyelarasan dan kesepaduan pelbagai badan promosi pelaburan dalam negara.

Melabur dalam Pengambilan Bakat

Liberalisasi telah meningkatkan mobiliti modal insan berbakat dengan bertambahnya jumlah pekerja berkemahiran tinggi dan berpengetahuan berpindah ke negara maju disebabkan tarikan persekitaran pekerjaan, kualiti hidup dan pakej bayaran gaji yang lebih baik. Untuk bersaing dengan lebih efektif bagi mendapatkan bakat, Malaysia akan memperkenalkan beberapa inisiatif termasuk penubuhan *Talent Corporation* (TC). TC akan ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan mandat untuk mencari penyelesaian bagi menarik, memotivasi dan mengekal bakat yang diperlukan untuk ekonomi berpendapatan tinggi.

TC akan mempunyai tiga peranan utama: sebagai pemangkin untuk mengetuai dan memacu inisiatif pengurusan bakat nasional yang inovatif; sebagai pemudah cara kepada usaha pihak swasta untuk menarik, mencipta dan memotivasi tenaga kerja bertaraf dunia dan melaksanakan inisiatif utama nasional mengenai bakat merentasi keseluruhan pembangunan modal insan. Ini termasuk memanfaatkan diaspora bakat Malaysia di luar

negara, memudahkan urusan bakat asing untuk bekerja di Malaysia, memastikan persekitaran pekerjaan yang lebih baik dan menyediakan pakej insentif yang bersesuaian. *National Talent Blueprint* akan dirangka menjelang tahun 2011 untuk mengenalpasti keperluan bakat dengan tumpuan kepada NKEA dan membangunkan inisiatif khusus bagi mempercepatkan bekalan bakat yang diperlukan.



MEWUJUDKAN INFRASTRUKTUR BERTARAF DUNIA UNTUK MENYOKONG PERTUMBUHAN DAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI

Sebuah negara maju berpendapatan tinggi memerlukan infrastruktur bertaraf dunia untuk menyokong aktiviti ekonomi. Dalam tempoh Rancangan, pelaburan yang berterusan untuk menambah baik kualiti infrastruktur akan dilaksana, termasuk jaringan jalur lebar, pelabuhan, landasan berkembar kereta api dan lapangan terbang yang akan meningkatkan akses dan perhubungan serta meningkatkan produktiviti. Pembangunan infrastruktur akan turut merangkumi penambahbaikan sistem penghantaran bahan api dan bekalan elektrik yang merupakan perkara asas untuk menarik

pelaburan baru serta menggalakkan industri sedia ada berkembang ke arah aktiviti bernilai tambah tinggi.


Meningkatkan Penembusan Jalur Lebar

Jalur lebar merupakan pemboleh utama ekonomi dan berpotensi untuk mengubah cara hidup rakyat Malaysia, bekerja dan berhibur, pada masa yang sama memberi faedah ekonomi sebenar melalui peningkatan produktiviti. Ia juga akan menggalak pembangunan industri kandungan tempatan

Carta 3-14

Peningkatan 10% penembusan jalur lebar dapat menyokong peningkatan dalam pertumbuhan KDNK melebihi 1%

% peningkatan dalam pertumbuhan KDNK bagi setiap 10% kenaikan dalam liputan telekomunikasi¹



¹ Semua keputusan adalah signifikan dari segi statistik pada aras 1% kecuali bagi jalur lebar di negara-negara membangun, yang berada di aras 10%
SUMBER: *Information And Communications For Development Report 2009*, Bank Dunia


dan e-dagang. Berdasarkan kajian Bank Dunia, peningkatan 10% dalam penembusan jalur lebar isi rumah dapat meningkatkan pertumbuhan KDNK melebihi 1% seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-14*. Bagi mengambil peluang tersebut, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan penembusan jalur lebar isi rumah kepada 75% menjelang akhir tahun 2015, seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-15*. Ini boleh dicapai melalui dua inisiatif utama iaitu Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan Jalur Lebar untuk Orang Awam (BBGP) yang menggunakan teknologi wayar dan tanpa wayar.

Inisiatif HSBB akan merangkumi sekitar 1.3 juta premis menjelang tahun 2012 di kawasan 'Zon 1' yang mempunyai impak ekonomi dan berkepadatan tinggi (ibu negeri, kawasan bandar besar dan zon industri) seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-16*. HSBB akan menawarkan kelajuan sehingga 100 Mbps melalui teknologi Gention Optik ke Rumah (FTTH). HSBB akan diperlengkap dengan BBGP yang merangkumi 'Zon 2 dan 3' (sub bandar dan kawasan luar bandar). Kos peluasan jalur lebar nasional dianggarkan berjumlah RM2.6 bilion. Kos peluasan HSBB akan ditanggung sebahagiannya oleh pihak swasta manakala sebahagian kos

Carta 3-15

Penembusan jalur lebar Malaysia mencapai 31% isi rumah pada tahun 2009 dan dijangka mencapai 75% pada tahun 2015


Penembusan jalur lebar isi rumah, %



SUMBER: Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Carta 3-16

Peta liputan jalur lebar pada tahun 2015



BBGP akan dibiayai melalui Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejahtera (USP).

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan terus memperkasa rangka kawal selia bagi memastikan persaingan sama rata, tanpa diskriminasi dan setara bagi meningkatkan persaingan dan memberi faedah kepada pengguna. Selain itu, untuk merangsang permintaan terhadap jalur lebar, beberapa langkah akan diperkenalkan termasuk rebat cukai untuk langganan jalur lebar, menyediakan pakej mampu milik kepada pelajar dan masyarakat luar bandar, menggalakkan pemilikan komputer peribadi serta meningkatkan penjana kandungan tempatan

dalam sektor awam dan swasta. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL 1984) sedia ada juga akan dipinda untuk mewajibkan pemaju menyediakan kemudahan jalur lebar di kawasan perumahan dan komersial.

Meneruskan Usaha Menaik Taraf Infrastruktur Fizikal untuk Menambah Baik Akses dan Perhubungan

Infrastruktur fizikal memainkan peranan utama dalam menyokong pembangunan ekonomi Malaysia dan juga penting untuk perniagaan

domestik, sektor eksport, pelancongan dan menarik pelaburan asing. Inisiatif utama infrastruktur fizikal dalam tempoh Rancangan termasuk:

Rangkaian Pengangkutan Pelbagai Mod

Selaras dengan objektif untuk memperbaiki kecekapan perdagangan dan menambah baik sistem logistik, rangkaian pengangkutan pelbagai mod akan terus dibangunkan. Kira-kira RM2.7 bilion akan dilaburkan untuk membina jalan raya dan landasan kereta api menyusur ke pelabuhan dan lapangan terbang utama serta pengurusan logistik akan diperbaiki untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan kargo melalui landasan kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang.

Lebuhraya Pantai Timur dari Kuantan ke Kuala Terengganu akan siap dibina pada tahun 2012 dan disertai dengan pembesaran Pelabuhan Kuantan yang akan menyediakan infrastruktur asas untuk menyokong aktiviti perdagangan serta pergerakan kargo di sepanjang koridor pantai timur Semenanjung Malaysia. Jambatan Kedua Pulau Pinang yang akan siap dibina bagi menghubungkan Seberang Perai dan Pulau Pinang akan meningkatkan perhubungan dan akses ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Ini akan merangsang pertumbuhan ekonomi di negeri tersebut. Begitu juga dengan Lebuhraya Lembah Klang Selatan yang dijangka

siap pada tahun 2012 akan menyediakan akses kedua ke Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang.

Pembangunan Rel

Bagi memudahkan pengangkutan barangan yang bertambah melalui rel dan mengurangkan kesesakan jalan raya, projek landasan berkembar elektrik akan disambung ke Johor Bahru untuk melengkapkan rangkaian dan meningkatkan kecekapan operasi. Dengan siapnya projek landasan berkembar elektrik dari Johor Bahru di selatan ke Padang Besar di utara dengan anggaran kos sebanyak RM16.5 bilion peratusan pengangkutan barangan melalui kereta api dijangka meningkat daripada 1.3% ketika ini kepada 10% pada tahun 2015, dan seterusnya akan mengurangkan kos pengangkutan. Bagi menampung pertambahan jumlah pengangkutan barangan melalui rel, set kereta api sedia ada akan dibaik pulih dan set baru akan dibeli.

Perkhidmatan rel di pantai timur Semenanjung Malaysia dan Sabah akan ditambah baik melalui pemodenan kemudahan dan teknologi untuk meningkatkan akses ke kawasan luar bandar. Di samping itu, transit aliran berkapasiti tinggi (MRT) meliputi kawasan sekitar 20km dari pusat bandaraya Kuala Lumpur akan dibangunkan dan setelah siap pembinaan projek ini dijangka berupaya menampung 2 juta penumpang sehari.

Infrastruktur Maritim

Pelabuhan kekal sebagai komponen utama bagi pengangkutan kargo pukat. Dalam tempoh Rancangan, dasar pelabuhan negara akan dirangka bagi menggariskan objektif, hala tuju strategik dan pembangunan selanjutnya bagi sektor pelabuhan. Infrastruktur maritim akan dinaik taraf untuk memastikan pelabuhan Malaysia berdaya saing. Ini termasuk membelanjakan kira-kira RM1 bilion untuk kerja-kerja pendalaman di alur pelayaran bagi memenuhi keperluan kapal yang lebih besar serta kerja menaik taraf Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang, Selangor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor untuk menyediakan keupayaan tambahan bagi aktiviti import dan eksport barangan.

Dalam tempoh Rancangan, pelaburan utama swasta berjumlah RM6 bilion akan merangkumi kerja menaik taraf Pelabuhan Barat, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Pulau Pinang.

Pembangunan Lapangan Terbang

Pertumbuhan ekonomi telah meningkatkan pergerakan manusia dan usaha menarik pelancong yang berterusan telah menyebabkan peningkatan pengendalian jumlah penumpang dan kargo. Jumlah ketibaan penumpang

penerbangan dijangka meningkat daripada 47 juta orang pada tahun 2008 kepada 62 juta orang pada tahun 2015 dan ini memerlukan peningkatan kapasiti lapangan terbang dengan anggaran kos sebanyak RM3.3 bilion. Terminal penerbangan tambang murah yang baru akan dibina di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi menampung peningkatan bilangan penerbangan. Di samping itu, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan dinaik taraf bagi menyokong pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).


Peningkatan keupayaan lapangan terbang akan diperengkap dengan usaha bersepadu untuk menarik lebih banyak syarikat penerbangan, seterusnya mewujudkan perhubungan yang lebih baik bagi menyokong KLIA sebagai hab penerbangan. Selain itu, satu majlis akan ditubuhkan yang dianggotai oleh pihak berkepentingan untuk meneliti isu berkaitan sektor penerbangan termasuk merangka dasar bagi pembahagian laluan penerbangan.

Menjamin Pemerolehan dan Pembekalan Tenaga yang Efektif

Bekalan tenaga yang andal, berkualiti tinggi dan berkesan kos adalah penting untuk

Carta 3-17

Lima tonggak strategik bagi Dasar Baru Tenaga



menarik pelaburan baru serta menggalakkan perkembangan industri sedia ada dalam aktiviti nilai ditambah yang tinggi. Dalam tempoh Rancangan, Dasar Baru Tenaga (2011-2015) memberi penekanan kepada jaminan bekalan tenaga, kecekapan dari segi ekonomi serta pemuliharaan alam sekitar dan sosial.

Dasar Baru Tenaga memberi tumpuan kepada lima tonggak strategik iaitu pelaksanaan inisiatif pembekalan dan pengurusan sumber tenaga yang andal, pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga, penetapan harga tenaga berasaskan pasaran, pengukuhan tadbir urus dan pengurusan perubahan seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-17*.

Pelaksanaan Inisiatif Pembekalan dan Pengurusan Sumber Tenaga yang Andal

Jaminan bekalan tenaga akan dipertingkatkan melalui pembangunan sumber tenaga alternatif khususnya hidro serta pengimportan arang batu dan gas asli cecair (LNG) menjelang tahun 2015. Bagi sektor pengangkutan, pengadunan bahan api secara mandatori mulai tahun 2011 akan meningkatkan lagi jaminan bekalan bahan api. Loji baru berasaskan arang batu akan dibangunkan bagi memastikan bekalan yang terjamin di Semenanjung Malaysia. Penggunaan teknologi arang batu yang mesra alam akan diteroka bagi mengurangkan pelepasan karbon.

Di samping itu, pembangunan tenaga nuklear sebagai pilihan bagi penjanaan elektrik di Semenanjung Malaysia akan dipertimbang untuk memastikan bekalan yang andal dan berkesan kos. Persediaan awal projek seperti kajian kemungkinan, pembangunan modal insan dan kempen kesedaran awam akan dilaksana.

Pelaksanaan Inisiatif Kecekapan Tenaga

Dalam tempoh Rancangan, penggubalan Pelan Induk Kecekapan Tenaga, penetapan piawaian prestasi tenaga minimum bagi peralatan elektrik serta pembangunan teknologi hijau akan meningkatkan momentum inisiatif kecekapan tenaga (EE). Langkah ini akan menggalakkan industri dan pengguna untuk mengguna tenaga secara produktif dan meminimum pembaziran supaya lebih berdaya saing dalam pasaran global.

Di samping itu, industri baru berintensif tenaga tidak digalakkan manakala industri cekap tenaga dan bernilai tambah tinggi akan dipromosikan. Oleh itu, struktur tarif elektrik akan dikaji semula sebagai langkah untuk menarik pelaburan yang berkualiti tinggi. Dalam hubungan ini, pengeluaran jentera dan peralatan berasaskan EE pula

akan menyokong pembangunan industri dan perkhidmatan sokongan.

Penetapan Harga Tenaga Berasaskan Pasaran

Selaras dengan strategi untuk merasionalisasi subsidi, subsidi tenaga akan terus dikurangkan dengan matlamat mencapai harga pasaran menjelang tahun 2015. Semakan semula harga gas bagi sektor elektrik dan bukan elektrik akan dilaksana secara berperingkat setiap enam bulan untuk mencerminkan harga pasaran. Pendekatan penyahgandingan (*decoupling*) dalam penetapan harga tenaga akan dilaksana dengan memperinci nilai subsidi dalam bil tenaga pengguna. Langkah ini akhirnya akan mengasingkan subsidi daripada penggunaan tenaga.

Bagi isi rumah berpendapatan rendah dan kumpulan lain yang memerlukan bantuan jaringan keselamatan sosial, jenis bantuan yang berbeza akan disediakan. Langkah ini akan meningkatkan ketelusan dan menambah baik dalam mensasarkan bantuan kepada pengguna. Pemakaian harga berasaskan pasaran bagi sumber tenaga juga akan menarik peserta baru dalam rangkaian pembekalan dan membantu meningkat jaminan bekalan tenaga.

Pengukuhan Tadbir Urus

Matlamat menambah baik tadbir urus dalam sektor tenaga adalah bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan. Dalam hal ini, industri bekalan gas akan terus diliberalisasi untuk memudahkan penyertaan pembekal gas yang baru dan akses pihak ketiga kepada infrastruktur pembekalan gas. Industri bekalan elektrik akan disusun semula supaya lebih bersandarkan prinsip pasaran. Langkah ini termasuk pengasingan akaun bagi aktiviti penjanaan, penghantaran dan pengagihan elektrik, tawaran bidaan yang telus dan terbuka bagi loji jana kuasa baru serta rundingan semula perjanjian pembelian tenaga.

Mengurus Perubahan

Dasar Baru Tenaga memerlukan perubahan struktur asas sektor tenaga dalam tempoh Rancangan. Pelbagai inisiatif akan dilaksanakan meliputi penetapan harga, pengurusan bekalan dan permintaan tenaga yang memerlukan satu mekanisme baru yang menyeluruh bagi memastikan manfaat optimum. Inisiatif ini akan dilaksanakan secara bersepadu bagi mencapai *outcome* yang telah disasarkan.



Kotak 3-4

Rancangan Malaysia Kesepuluh: Apa yang disediakan untuk sektor swasta

Bagi menyokong sektor swasta, Kerajaan telah menggariskan beberapa langkah untuk memudahkan perniagaan, mengurangkan kos dan merangsang pertumbuhan:

Apa yang akan disediakan oleh Kerajaan:

- Persekitaran kawal selia yang menyokong peningkatan kemudahan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan;
- Sektor perkhidmatan yang lebih liberal, membuka peluang pelaburan dan perniagaan baru;
- Persekitaran yang menyediakan isyarat pasaran yang tepat untuk membuat keputusan perniagaan berikutan penghapusan herotan pasaran;
- Persekitaran yang menggalakkan persaingan secara adil dan keserataan;
- Persekitaran yang menyokong dan mengiktiraf inovasi;
- Memperluaskan peluang kepada syarikat untuk melabur melalui gelombang baru penswastan dan sokongan daripada Dana Fasilitasi;
- Akses pembiayaan yang lebih baik untuk semua peringkat pertumbuhan perniagaan;
- Mekanisme yang lebih baik untuk menyokong firma menembusi pasaran eksport;
- Ketersediaan golongan bakat berkemahiran tinggi yang mempunyai akses yang mudah ke jawatan ekspatriat;
- Infrastruktur yang berkualiti tinggi untuk meningkatkan keberkesanan dan menambah baik keandalan tenaga;
- Lebih banyak sokongan kepada EKS yang akan memperoleh manfaat dari segi kelonggaran syarat kawal selia, program tambahan untuk meningkatkan keupayaan, sistem sokongan dan akses kepada pembiayaan yang lebih baik; dan
- Wujud peluang pelaburan baru daripada NKEA.

Apa yang perlu dilakukan oleh sektor swasta:

- Melabur dalam bidang pertumbuhan baru dan meningkatkan rantai nilai;
- Menambah pelaburan dalam inovasi untuk meningkatkan produktiviti; dan
- Bertekad untuk meningkatkan tahap kemahiran.

MEMBERI TUMPUAN KEPADA JENTERA PERTUMBUHAN UTAMA

Kriteria utama dasar ekonomi dalam tempoh Rancangan akan memberi tumpuan kepada pertumbuhan dalam bidang berpotensi tinggi yang memberi impak kepada ekonomi. Ke arah mencapai matlamat ini, keutamaan akan diberi kepada pembangunan aglomerasi bandar, penumpuan koridor di sekitar kluster dan pembangunan sektor ekonomi berimpak tinggi. Bagi tujuan ini, 11 sektor dan satu kawasan geografi telah dikenalpasti sebagai NKEA untuk memacu pertumbuhan ekonomi.

Memacu Pertumbuhan Melalui Aglomerasi Bandar

Terdapat hubungan yang kukuh antara pemusatan aktiviti ekonomi dengan pertumbuhan produktiviti.

Aglomerasi aktiviti ekonomi di kawasan bandar membolehkan syarikat mendapat manfaat daripada ekonomi berskala dan menikmati kesan jaringan. Aktiviti ekonomi yang lebih khusus juga diperhatikan wujud di kawasan padat penduduk dan berhubung kait secara langsung dengan prestasi ekonomi yang lebih baik.

Bukti menunjukkan bandar yang menjadi nukleus aglomerasi mencapai produktiviti tiga kali ganda daripada kawasan luar bandar di seluruh dunia. Berdasarkan faktor ini, bandar terutamanya yang bertaraf dunia, menjana kon aktiviti ekonomi yang lebih padat daripada kawasan lain, seperti ditunjukkan dalam *Carta 3-18*.

Carta 3-18

Kuala Lumpur mempunyai output ekonomi per kilometer persegi yang lebih rendah secara relatif berbanding bandar lain di Asia




Kon pada peta menunjukkan output ekonomi per kilometer persegi; bandar yang mempunyai kon lebih tinggi adalah lebih padat dari segi aktiviti ekonomi

SUMBER: *Cities, People and the Economy - World Bank - Khazanah Nasional Berhad (2010)*

Carta 3-19

Greater Kuala Lumpur menyumbang 8 kali ganda KDNK berbanding kluster geografi lain di Malaysia



Bandar yang aktif, produktif dan sesuai didiami berfungsi sebagai magnet untuk menarik dan mengekalkan syarikat serta pekerja kreatif yang berpengetahuan. Oleh itu, bandar bertaraf dunia merupakan ramuan utama untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Berdasarkan faktor ini, strategi penting dalam RMKe-10 adalah dengan memanfaatkan bandar bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi. Sebagai bandaraya utama negara, Kuala Lumpur akan menjadi pusat tumpuan penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi, seperti ditunjukkan dalam Carta 3-19.

Kuala Lumpur menawarkan skop penambahbaikan yang luas dalam aspek kesesuaian untuk didiami

dan seterusnya menjadi tarikan kepada syarikat serta pekerja kreatif dan berpengetahuan. Berdasarkan indeks kesesuaian untuk didiami yang dikeluarkan oleh *Economist Intelligence Unit 2009*, Kuala Lumpur berada di kedudukan 79 daripada 140 negara dikaji. Dalam tempoh Rancangan, potensi Kuala Lumpur akan dimanfaatkan dengan menyediakan eko-sistem yang lengkap untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi dalam bidang tertentu, meningkatkan kualiti kehidupan dan keceriaan. Selain itu, bandar lain seperti George Town, Johor Bahru dan Kota Kinabalu akan dikhususkan bagi mencapai skala kritikal dan pelaburan akan dibuat bagi meningkatkan kesesuaian untuk didiami dengan sasaran yang jelas dan boleh diukur.

Perhubungan dan rangkaian antara bandar dengan pedalamannya dan kawasan luar bandar juga akan ditambah baik bagi memudahkan pergerakan sumber, barangan dan perkhidmatan serta penduduk di antara lokasi tersebut. Ini merupakan input penting bagi pembangunan bandar.

Memberi Tumpuan kepada Koridor Sekitar Kluster


Dalam tempoh RMKe-9, Kerajaan memperkenalkan beberapa inisiatif untuk menggalakkan pembangunan wilayah yang seimbang dan mempercepatkan pertumbuhan di kawasan terpilih.

Sehubungan itu, Kerajaan telah mengenalpasti lima koridor pertumbuhan seperti yang ditunjukkan dalam Carta 3-20. Di bawah RMKe-10, pembangunan ekonomi wilayah akan dipercepatkan dengan memberi tumpuan membangun sebilangan kluster yang berkepadatan tinggi di koridor yang mempunyai kelebihan dari segi sektor dan geografi.

Pengklusteran membolehkan syarikat mendapat faedah daripada sumber yang sama, memudahkan pepadanan pasaran buruh dan menyumbang kepada perkongsian pengetahuan. Bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat daripada koridor, pembangunan koridor dalam tempoh Rancangan akan:

Carta 3-20

Lima koridor telah diwujudkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan



- Memberi tumpuan semula kepada memacu pertumbuhan melalui kerjasama dengan sektor swasta untuk membangunkan industri keutamaan;
- Memberi tumpuan kepada sebilangan kecil sektor dan kluster yang mempunyai kelebihan daya saing untuk memaksimumkan impak dan pelaksanaan lebih tertumpu;
- Memberi tumpuan kepada memudahkan pelaburan swasta, menyokong eko-sistem industri dan mewujudkan peluang pekerjaan;
- Mengenalpasti pelabur induk untuk menerajui pembangunan koridor; dan
- Menyusun semula tumpuan pihak berkuasa koridor ke atas kawasan geografi yang lebih kecil.

Di bawah RMKe-10, tumpuan bagi setiap koridor adalah seperti berikut:

Iskandar Malaysia

Iskandar Malaysia di negeri Johor telah mencatat pelaburan komited berjumlah RM59 bilion sehingga Februari 2010 dengan pelaburan sebenar sebanyak 38%. Pelaburan komited adalah dalam bidang pembuatan, hartanah, utiliti, pelancongan dan logistik.

Dalam tempoh RMKe-10, Iskandar Malaysia akan terus menarik pelaburan ke lima nod pertumbuhan yang telah dikenalpasti untuk membangunkan kluster ekonomi dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, kewangan, industri kreatif, logistik dan pelancongan. Antara projek utama ialah Johor Premium Outlet dan MSC Cyberport City. Projek ini akan mewujudkan limpahan ekonomi dan peluang sama rata dalam pekerjaan dan perniagaan ke kawasan sekitarnya. Bagi melengkapkan projek tersebut, beberapa projek infrastruktur seperti pembinaan jalan di sekitar pusat Bandaraya Johor Bahru (JB), penambahbaikan sistem pengangkutan awam dan cadangan projek Transformasi Bandaraya JB akan dilaksanakan. Projek ini akan mengubah pusat Bandaraya JB menjadi pusat ekonomi dan pada masa yang sama memelihara nilai warisan dan budaya.

Koridor Ekonomi Wilayah Utara

Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) meliputi negeri Kedah, Pulau Pinang, Perlis, dan empat daerah di utara negeri Perak. NCER akan memberi tumpuan dalam menggalakkan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan yang terdiri daripada dua komponen iaitu pelancongan dan logistik. Ia juga akan mengukuhkan pemboleh utama iaitu modal insan, teknologi dan infrastruktur. Sementara setiap wilayah akan memiliki bidang pengkhususan masing-masing,

kegiatan ekonomi yang telah dikenalpasti akan tertumpu dalam Konurbasi Tengah NCER untuk mencapai nilai yang maksimum. Dalam tempoh Rancangan, *outcome* utama yang disasarkan adalah seperti berikut:

- Pertanian: Menjadi sebuah zon pengeluaran makanan yang moden dipacu oleh teknologi yang cekap, perladangan berskala komersial, tanaman baru, penternakan dan aktiviti pertanian hiliran;
- Pembuatan: Meningkatkan rantai nilai sektor pembuatan kepada aktiviti bernilai tambah tinggi seperti fabrikasi wafer, reka bentuk cip, peralatan kejuruteraan perubatan, bioteknologi dan bahan yang mampan;
- Pelancongan: Menjadi destinasi utama untuk pelancong, khususnya eko-pelancongan dan pelancongan warisan; dan
- Logistik: Membangunkan wilayah ini sebagai pusat import dan eksport utama dengan memanfaatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Jambatan Kedua Pulau Pinang, landasan keretapi berkembar dan pembesaran Pelabuhan Pulau Pinang.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) meliputi negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Daerah

Mersing di Negeri Johor. Pelan pembangunan ECER akan memberi tumpuan kepada inisiatif utama berkaitan pelancongan; minyak, gas dan industri petrokimia; pertanian dan pendidikan.

Di bawah RMKe- 10 bagi memberi lebih tumpuan dan membangun ECER secara strategik, semua kegiatan ekonomi akan ditumpu kepada enam nod yang telah dikenalpasti iaitu Zon Ekonomi Khas ECER (ECER SEZ) sebagai hub pembuatan dan perkhidmatan komersil serta pusat pengedaran dan perolehan, Pembangunan Merentasi Sempadan (Tumpat-Kota Bharu-Bachok-Tok Bali-Besut), Segitiga Bandaraya Kuala Terengganu-Kenyir-Dungun, Mersing - Rompin, Gua Musang - K. Lipis, dan Bentong - Raub.

Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak

Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) terletak di wilayah tengah negeri Sarawak. Sumber tenaga merupakan teras SCORE, terutamanya tenaga hidro yang berkapasiti 28,000 MW. Ini membolehkan Sarawak menetapkan harga tenaga secara kompetitif dan menggalakkan pelaburan dalam penjanaan tenaga dan industri berintensif tenaga.

Lima nod pertumbuhan telah dikenal pasti dengan matlamat memberi tumpuan kepada usaha pembangunan dan pelaburan dalam

SCORE. Nod pertumbuhan ini adalah Tanjung Manis, Mukah, Samalaju, Baram dan Tunoh. Nod pertumbuhan Mukah akan dibangunkan sebagai Smart City dan akan menjadi pusat utama dan perkhidmatan bagi koridor ini. Nod Tanjung Manis akan dibangunkan sebagai bandar pelabuhan serantau dan hab halal utama. Nod Samalaju akan menjadi pusat industri berat yang baru manakala Baram dan Tunoh akan memberi tumpuan kepada pelancongan dan industri berasaskan sumber.

Limpahan aktiviti ekonomi daripada nod pertumbuhan utama juga akan memberi faedah kepada pusat pertumbuhan kedua di SCORE seperti Semop, Balingian, Selangau, Samarahan, Bakun dan Nanga Merit. Industri utama yang akan digalakkan dan dibangunkan melalui penyertaan sektor swasta yang lebih giat termasuk aluminium, kaca, besi, industri berasaskan minyak, minyak sawit, perikanan dan akuakultur (hab halal), ternakan, industri berasaskan kayu kayan, kejuruteraan marin dan pelancongan.

Koridor Pembangunan Sabah

Koridor Pembangunan Sabah (SDC) meliputi seluruh negeri Sabah dengan tumpuan diberi kepada Kawasan Pembangunan Strategik (SDA) yang telah dikenal pasti bagi menjana peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk setempat

serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pembangunan di kawasan ini akan memberi faedah limpahan kepada kawasan pedalaman dan sekitarnya. Aktiviti ekonomi utama di setiap SDA adalah seperti berikut:

- Bio-Triangle Sandakan-Beluran Kinabatangan: Agropolitan Beluran dan Tongod, Zon Inovasi Agrobio-Hab Pendidikan Sandakan, POIC Sandakan;
- Jaluran Agro-Marin Lahad Datu-Kunak-Semporna-Tawau: POIC, Zon Agro-makanan Bersepadu serta Zon Industri Marin dan Pelancongan;
- Lembah Makanan Pedalaman: Pusat Ternakan Bersepadu Keningau, buah-buahan dan produk herba dalam Zon Agropolitan Pedalaman;
- Kluster Minyak dan Gas: kompleks petrokimia, perkhidmatan sokongan minyak dan gas, loji penapisan minyak dan ladang tangki serta loji kuasa;
- Enklaf Kinabalu Gold Coast: kluster industri kreatif, kecergasan dan penjagaan kesihatan, florikultur dan produk khusus sumber semulajadi, sukan air, resort peranginan dan rumah percutian; dan

- Kawasan Pembangunan Bersepadu Teluk Brunei: logistik pelbagai mod, pelancongan dan pembangunan *waterfront*; ternakan, tanaman makanan, perikanan dan akuakultur serta produk halal.

Bidang Ekonomi Utama Negara

Dalam tempoh RMKe-10 tumpuan akan diberi kepada usaha pertumbuhan ekonomi dalam NKEA. NKEA ditakrif sebagai pemacu aktiviti ekonomi yang berpotensi menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Lazimnya, negara yang telah melalui perubahan daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada pendapatan tinggi akan memberi tumpuan kepada sektor dan geografi yang khusus. Malaysia juga perlu menumpu kepada sektor dan geografi terpilih bagi mencapai matlamat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

Langkah pembaharuan ekonomi dalam RMKe-10 seperti permodenan peraturan perniagaan, pembangunan modal insan, peningkatan persaingan domestik, penghapusan herotan pasaran dan penambahbaikan infrastruktur akan menyediakan eko-sistem pemboleh bagi NKEA.

NKEA dipilih berdasarkan sumbangannya untuk mencapai pendapatan tinggi, kemampuan dan keterangkuman.

Sebanyak 12 NKEA awal yang berpotensi telah dikenal pasti termasuk 11 sektor dan satu kawasan geografi iaitu Kuala Lumpur. Kuala Lumpur telah dipilih kerana ia menyumbang hampir satu pertiga kepada KDNK Malaysia dan aglomerasi bandar boleh menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi.

Setiap NKEA akan mempunyai sasaran khusus dan tindakan yang kukuh untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Pelaksanaannya akan dipantau oleh Economic Delivery Unit di bawah pimpinan Perdana Menteri. NKEA tersebut adalah:

- 1. Minyak dan gas;**
- 2. Minyak sawit dan produk berkaitan;**
- 3. Perkhidmatan kewangan;**
- 4. Pemborongan dan peruncitan;**
- 5. Pelancongan;**
- 6. Teknologi maklumat dan komunikasi;**
- 7. Pendidikan;**
- 8. Elektrik dan elektronik;**
- 9. Perkhidmatan perniagaan;**
- 10. Penjagaan kesihatan swasta;**
- 11. Pertanian; dan**
- 12. Greater Kuala Lumpur.**

1) Minyak dan gas

Aktiviti hulu dan hiliran industri minyak dan gas merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2009, sektor ini telah menyumbang RM68.3 bilion atau 13.1% kepada KDNK. Aktiviti hulu yang meliputi petroleum dan gas menyumbang sebanyak RM39.5 bilion atau 7.6% kepada KDNK, manakala aktiviti hiliran yang merangkumi industri petrokimia menyumbang sebanyak RM28.8 bilion atau 5.5% kepada KDNK. Peningkatan dalam permintaan tenaga dan pertumbuhan ekonomi global dijangka akan meningkatkan sumbangan sektor minyak dan gas kira-kira 20% dalam tempoh lima tahun akan datang. Peningkatan ini akan mencapai RM81.9 bilion atau 11.1% daripada KDNK pada tahun 2015. Aktiviti hulu dijangka menyumbang RM43.0 bilion atau 5.8% kepada KDNK manakala aktiviti hiliran pula akan menyumbang sebanyak RM39.8 bilion atau 5.3% daripada KDNK pada tahun 2015.



Kewujudan rizab minyak dan gas jelas memberi kelebihan kepada Malaysia untuk memberi tumpuan kepada sektor ini. Bagi menyokong pertumbuhan sektor ini, infrastruktur yang mantap seperti pelantar luar pantai, tiga zon petrokimia bersepadu dan tapak penghasilan LNG bertaraf dunia telah dibina di sepanjang rantai nilai. Syarikat minyak negara, PETRONAS telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan pertumbuhan industri menerusi pembangunan sumber minyak dan gas serta membuka peluang kepada syarikat tempatan membina kemampuan dan keupayaan di sepanjang rantai nilai.

Bagi segmen hiliran, tiga zon industri petrokimia utama yang bersepadu telah diwujudkan dan berjaya menarik pelaburan asing terutama dari Amerika Syarikat (33.0% dari jumlah pelaburan asing), Jerman (22.8%) dan Jepun (14%); sementara PETRONAS adalah pelabur tempatan terbesar. Dalam tempoh Rancangan, sasaran pelaburan tahunan dalam industri petrokimia ditetapkan sebanyak RM11.3 bilion setahun dan eksport dijangka mencecah RM27.7 bilion pada tahun 2015.

Bagi memacu pertumbuhan, Malaysia akan mempercepat dan mengoptimum pembangunan rizab tempatan dan infrastruktur sedia ada serta menyokong pewujudan jaguh dalam sektor ini di peringkat serantau dan antarabangsa. Walaupun sumber minyak dan gas sedia ada semakin berkurangan, medan minyak yang berpotensi masih wujud yang melibatkan kawasan matang, kecil dan secara teknikalnya rumit. Malaysia telah membina kepakaran dalam kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pentauliahan dan pemasangan kemudahan minyak dan gas di pesisir serta di luar pesisir pantai yang membolehkan Malaysia memanfaatkan dan memberi tumpuan kepada perkhidmatan dan peralatan telaga minyak (OFSE). Peluang juga wujud dalam sektor logistik memandangkan Malaysia merupakan salah satu pemilik dan pengendali kapal LNG yang terbesar di dunia.

Bagi memanfaatkan potensi yang ada, inisiatif berikut akan dilaksanakan:

- Meningkatkan akses kepada pasaran antarabangsa;
- Meningkatkan latihan kemahiran (teknikal dan pengurusan) dengan kerjasama industri;
- Memperkukuh hubungan dalam industri hiliran untuk mengoptimum sumber, kemudahan dan perkhidmatan sedia ada di kompleks petrokimia bersepadu;
- Meluaskan peluang perniagaan dalam aktiviti logistik dan maritim; dan
- Memperkukuh perkhidmatan profesional berkaitan minyak dan gas serta mewujudkan jaguh antarabangsa contohnya dalam OFSE, yang berkaitan pengeluaran minyak laut dalam dan penyedia perkhidmatan bersepadu.

2) Minyak sawit dan produk berkaitan

Malaysia merupakan peneraju global dalam industri minyak sawit dan oleokimia asas. Pada tahun 2009, sektor ini menyumbang RM17.0 bilion atau 3.3% kepada KDNK dan pendapatan eksport bernilai RM49.6 bilion.

Antara tahun 2005-2009, jumlah kawasan tanaman kelapa sawit meningkat sebanyak 15.8% kepada 4.69 juta hektar dan pengeluaran minyak sawit mentah meningkat sebanyak 17.4% kepada 17.6 juta tan.

Walaupun pencapaian tersebut membanggakan, industri minyak sawit masih menghadapi isu produktiviti yang rendah di kalangan pekebun kecil, kos pengeluaran yang semakin meningkat dan kebergantungan kepada buruh asing dalam aktiviti hulu. Aktiviti hiliran pula terbatas di peringkat pemprosesan pertengahan.


Masih wujud peluang yang belum diteroka sepenuhnya bagi meningkatkan pertumbuhan sektor ini terutama dalam aktiviti hiliran yang menjana nilai tambah tinggi. Dalam tempoh Rancangan, keluaran industri minyak sawit kepada KDNK disasarkan meningkat kepada RM21.9 bilion dan pendapatan eksport mencecah RM69.3 bilion. Untuk mencapai sasaran ini, berikut adalah sebahagian daripada inisiatif yang akan dilaksanakan:

- Mempromosi Malaysia sebagai hab global minyak sawit dan destinasi pilihan pelaburan asing seperti dalam bidang pengeluaran produk berasaskan oleokimia, penyediaan kemudahan pukal dan aktiviti R&D;
- Membangunkan Kluster Industri Berasaskan Minyak Sawit (POIC) sebagai kawasan bersepadu untuk mempromosi aktiviti hiliran seperti bio bahan api, oleokimia, biobaja, produk makanan khusus, produk biojisim, nutraseutikal dan farmaseutikal;
- Menggalakkan amalan pertanian baik, pengurusan agronomik dan mekanisasi terutama di kalangan pekebun kecil; dan
- Melaksanakan perolehan secara berpusat input pertanian seperti baja dan racun perosak untuk mengurangkan kos input di kalangan pekebun kecil.



3) Perkhidmatan kewangan

Sektor perkhidmatan kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi persekitaran global yang mencabar dan sentiasa berubah serta meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi Malaysia. Ini disebabkan oleh pembaharuan kewangan yang dilaksanakan pada dekad lalu yang telah meningkatkan kapasiti institusi, infrastruktur kewangan domestik dan mengukuhkan rangka kawal selia dan penyeliaan. Sumbangan sektor kewangan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah tinggi, merangkumi 11.7% kepada KDNK pada akhir tahun 2009. Dalam tempoh RMKe-10, sektor kewangan dan insurans disasarkan berkembang sebanyak 8.3% dan menyumbang 12.7% kepada KDNK.



Pasaran modal Malaysia yang merangkumi ekuiti dan bon meningkat sebanyak 10.2% kepada RM1.7 trilion dan mencapai pengukuhan merentasi pelbagai bidang, antara tahun 2006 hingga 2009. Pasaran modal Islam dengan pasaran sukuk paling cair, meliputi 62% daripada syer pasaran sukuk global dan industri pengurusan dana Islam terbesar kekal sebagai kekuatan utama yang kompetitif bagi Malaysia. Walaupun pasaran modal Malaysia mencapai kejayaan, cabaran besar masih dihadapi untuk maju ke hadapan khususnya dari segi mudah tunai pasaran. Kedudukan mudah tunai pasaran Malaysia di Asia jatuh daripada tempat ketiga pada tahun 1996 kepada tempat ke-14 pada tahun 2010. Di samping itu, struktur ekonomi dan prospek pertumbuhan Malaysia dikekang oleh aras pelaburan yang rendah berbanding aras tabungan domestik yang tinggi.

Dalam tempoh Rancangan, sektor kewangan akan diperkukuh supaya kekal kompetitif, teguh, kepelbagaian, inklusif dan terus menyumbang dengan lebih bermakna kepada pertumbuhan ekonomi. Peranan dan mudah tunai pasaran modal akan terus dipertingkatkan. Inisiatif utama dalam tempoh Rancangan termasuk:

Bersambung ke muka surat sebelah

3) Perkhidmatan kewangan (sambungan)

- Merumuskan rangka tindakan sektor kewangan yang baru bagi melaksanakan strategi untuk perkembangan sektor kewangan Malaysia yang akan menyokong dan memacu pembangunan ekonomi Malaysia seterusnya, termasuk mempromosi kewangan yang terangkum dan akses pembiayaan yang saksama secara berterusan, kepada semua segmen ekonomi memanfaatkan lagi teknologi dan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan kewangan, meningkatkan infrastruktur sistem kewangan termasuk membina institusi dan keupayaan, serta melaksanakan perlindungan yang mencukupi untuk memelihara kestabilan kewangan. Isu struktural dalam industri insurans akan ditangani dengan menggalakkan lagi penggabungan dan rasionalisasi. Penembusan insurans akan ditingkatkan melalui saluran pengedaran alternatif dan lebih banyak inovasi produk;
- Meningkatkan kedudukan Malaysia dalam kewangan Islam di peringkat global melalui pengukuhan inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), menggalakkan lagi jalinan dan kerjasama dengan badan penetap standard antarabangsa dan bidang kuasa lain, serta memperkemas pembangunan R&D untuk meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai pusat terpilih bagi pendidikan kewangan Islam, penyelidikan dan inovasi produk. Tumpuan juga akan diberikan untuk memastikan infrastruktur kewangan sedia ada yang dinamik dan kukuh, merangkumi rangka kerja kawal selia, perundangan dan Syariah, serta institusi penyelidikan dan latihan;
- Membangunkan Pelan Induk Pasaran Modal Kedua dengan inisiatif strategik untuk mengembangkan peranan pasaran modal dalam menyokong peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berasaskan pengetahuan. Ini termasuk mendalamkan mudah tunai pasaran sekunder dan mewujudkan pilihan yang lebih baik bagi mengurus risiko untuk menggalakkan penerokaan peluang pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru dan inovatif. Ini termasuk meluaskan kepelbagaian alternatif pembiayaan baru dan mempercepatkan pertumbuhan industri pasaran modal seperti pengurusan dana, modal teroka dan ekuiti persendirian.

4) Pemborongan dan peruncitan

Perdagangan pengedaran merupakan antara sub-sektor terbesar dalam industri perkhidmatan yang menyumbang 13.3% kepada KDNK dan nilai jualan sebanyak RM334 bilion pada tahun 2009. Sektor perdagangan pengedaran juga menarik jumlah pelaburan langsung asing bernilai RM1.2 bilion pada tahun 2009. Sektor perdagangan pengedaran telah melalui perubahan struktural dalam tempoh RMKe-9 dengan kemunculan peruncit berskala besar seperti pasar raya besar dan lain-lain peruncit moden termasuk kedai serbaneka.




Terdapat peluang dalam sektor ini untuk terus berkembang disebabkan perubahan demografi, kepesatan perbandaran dan peningkatan kemakmuran masyarakat telah mengubah gelagat pengguna dan permintaan kepada perkhidmatan yang lebih baik. Selanjutnya, kaedah alternatif perdagangan peruncitan seperti francais, jualan langsung dan e-dagang masih belum dieksploitasi sepenuhnya.

Dalam RMKe-10, perdagangan pengedaran dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan 8.3% setahun, menyumbang sebanyak 15.1% kepada KDNK pada tahun 2015. Bagi mencapai sasaran ini, sektor perdagangan dan peruncitan akan dimoden dan ditransformasi kepada sektor yang lebih cekap dengan perkhidmatan berkualiti lebih tinggi kepada pengguna. Inisiatif yang diambil termasuk:

- Meliberalisasi sektor pemborongan dan peruncitan serta menggalakkan pelaburan;
- Menggalakkan penggabungan di kalangan peruncit tempatan untuk meningkatkan kecekapan dan mencapai skala ekonomi;
- Menggalakkan format peruncitan moden seperti pasar raya besar, pasar raya, kedai serbaneka, kedai khusus bagi merangsang pelaburan dan mempercepatkan proses pemodenan; dan
- Menggalakkan francais, jualan langsung dan e-dagang bagi mencapai potensi sepenuhnya.

5) Pelancongan

Malaysia berada di kedudukan ke-16 dari segi pendapatan pelancongan dan menguasai hampir 2% daripada syer pasaran global pada tahun 2008. Industri pelancongan menggaji 1.7 juta pekerja atau hampir 16% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2008. Antara tahun 2006-2009, pendapatan industri pelancongan meningkat sebanyak 67.1% kepada RM53.4 bilion dan ketibaan pelancong meningkat sebanyak 43.6% kepada 23.6 juta orang.



Di sebalik pencapaian ini, beberapa isu perlu ditangani termasuk keperluan membangun produk pelancongan yang menarik dan ikonik, menambah baik penyelenggaraan kawasan pelancongan sedia ada, dan melaksana promosi pelancongan berfokus. Dalam tempoh Rancangan, sasaran adalah untuk memperbaiki kedudukan Malaysia supaya menjadi antara 10 negara teratas dari segi pendapatan pelancongan global dan meningkatkan sumbangan sektor sebanyak 2.1 kali ganda, seterusnya menyumbang RM115 bilion dari segi pendapatan pelancongan dan menyediakan 2 juta pekerjaan pada tahun 2015.

Bagi mencapai sasaran tahun 2015, tumpuan akan diberikan untuk menarik lebih ramai pelancong berbelanja tinggi dan memperluas pasaran daripada negara yang mempunyai pertumbuhan tinggi, terutamanya Rusia, India, China dan Timur Tengah, di samping meningkatkan bilangan ketibaan pelancong. Bagi tujuan ini, strategi utama yang akan dilaksanakan adalah:

- Menggalak pendekatan strategi berbeza bagi memenuhi corak dan keperluan pelancong yang unik dan tersendiri seperti cabaran alam semula jadi (termasuk ekopelancongan), kepelbagaian budaya, keriangannya keluarga, kemewahan mampu biaya, dan Persidangan, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE);
- Menambah baik produk pelancongan melalui pembangunan kluster pelancongan berfokus yang akan memanfaatkan produk pelancongan sedia ada dan produk pelancongan ikonik baru. Contohnya, Langkawi (Geopark dan Taman Laut Pulau Payar), Pulau Pinang (Bandaraya George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO), Sabah (Pulau Sipadan dan Taman Kinabalu Tapak Warisan Dunia UNESCO) dan Sarawak (Kampung Budaya Sarawak dan Taman Negara Gunung Mulu Tapak Warisan Dunia UNESCO);
- Membangunkan produk pelancongan ikonik yang baru melalui penglibatan sektor swasta dan kerjasama awam-swasta. Antara projek ikonik tersebut adalah Kidzania dan Malaysia Truly Asia Centre di Kuala Lumpur dan Legoland Malaysia di Iskandar Malaysia, Johor. Produk dan aktiviti pelancongan seperti taman dan kebun bunga, pelancongan seni, membeli-belah, serta acara dan festival utama juga akan dipromosikan;
- Menambah baik penyelenggaraan tempat pelancongan melalui pelbagai pendekatan, termasuk melalui penajaan GLC dan korporat, penguatkuasaan yang lebih ketat dan pengenaan bayaran masuk, terutamanya di kawasan alam sekitar yang sensitif dan tapak warisan.
- Menjajar semula aktiviti promosi dan pengiklanan serta kewujudan pejabat Tourism Malaysia di luar negara dengan memberi tumpuan kepada pasaran utama khususnya Rusia, India, China dan Timur Tengah; dan
- Memperkenalkan pensijilan produk dan aktiviti pelancongan secara progresif bagi memastikan kualiti, kemampuhan dan keselamatan.

6) Teknologi maklumat dan komunikasi

Sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyumbang 9.8% kepada KDNK pada tahun 2009. Sektor ini akan terus menjadi fokus utama bagi Malaysia dan dijangka akan berkembang dengan lebih pesat dipacu oleh penyatuan industri melalui pendigitalan. Sumbangan industri ICT kepada KDNK dijangka meningkat kepada 10.2% menjelang tahun 2015. Penggunaan ICT yang lebih meluas tidak hanya akan menyokong pertumbuhan sektor ini malah akan meningkatkan produktiviti dan daya saing negara secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, untuk mencapai pertumbuhan, Malaysia perlu beralih daripada menjadi pengeluar produk dan penyedia perkhidmatan




ICT sederhana kepada pengeluar produk dan perkhidmatan ICT yang terpilih dan meningkat maju daripada pengimport bersih kepada pengeksport bersih. Isu berkaitan kekurangan penerimaan produk, penjenamaan produk yang lemah dan kekurangan kepakaran disiplin bersilang akan ditangani. Strategi utama yang akan diguna pakai untuk menggerak industri adalah seperti berikut:

- MSC Malaysia akan mengenalpasti dan membangunkan beberapa bidang terpilih termasuk pembangunan perisian, multimedia kreatif, perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar serta e-bisnes. Konsep kluster akan diguna pakai bagi memacu pertumbuhan bidang tersebut yang melibatkan kolaborasi di antara syarikat global sebagai nukleus dengan EKS tempatan. Skim faedah bertingkat akan disediakan yang mana faedah kewangan dan bukan kewangan akan diberi berdasarkan kepada keperluan, saiz dan tahap kematangan syarikat serta kriteria seperti kebolehan untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan EKS dalam sektor utama dan mendorong kesan limpahan tinggi;
- Kerajaan akan menggalakkan penggunaan ICT dalam semua industri secara agresif selari dengan pembangunan sektor ICT. Perkhidmatan *cloud computing* akan dibangun bagi menyediakan aplikasi perisian kritikal kepada EKS untuk pengurusan perhubungan pelanggan, perancangan sumber enterpris, pengurusan rantai nilai, pengurusan sumber manusia serta pengurusan kewangan dan perakaunan. Bidang terpilih bagi pembangunan aplikasi termasuk perkhidmatan penjagaan kesihatan, pendidikan dan kewangan terutama perbankan Islam;
- Dalam industri kreatif, yang kini menyumbang kira-kira 1.6% kepada KDNK, penekanan akan diberi kepada multimedia kreatif terutamanya animasi bagi simulasi, pengiklanan dan hiburan serta pembangunan permainan komputer. Dasar Industri Kreatif Negara akan digubal manakala projek Penyiaran Televisyen Terrestrial Digital Negara (DTTB) akan dilaksanakan. Ini akan membantu mendorong perkembangan industri kreatif yang berkaitan. Dengan teknologi digital, lebih banyak kandungan akan dapat disalurkan dengan lebih efisien; dan
- Pendidikan dan latihan akan diberi keutamaan bagi memenuhi keperluan modal insan sektor ini. Ini akan dilaksanakan melalui penumpuan terhadap kerjasama antara industri-akademia-kerajaan, terutamanya dalam pembangunan kurikulum dan latihan industri.

7) Pendidikan

Perkhidmatan pendidikan swasta menikmati pertumbuhan yang pesat sejak langkah deregulasi pada akhir 1990-an. Dengan pengganda ekonomi yang tinggi (2.19-2.34), pendidikan swasta memberikan kesan limpahan yang besar kepada ekonomi dan menyumbang secara langsung kepada peningkatan produktiviti. Didorong oleh peningkatan permintaan bagi tempat pengajian di institut pengajian tinggi daripada pelajar tempatan dan antarabangsa, keluaran kasar pendidikan swasta meningkat sebanyak 44% kepada RM7 bilion pada tahun 2008. Bahagian pasaran global bagi Malaysia adalah kira-kira 2% hingga 3% daripada jumlah pelajar antarabangsa. Sasarannya adalah untuk meningkatkan sumbangan pendidikan swasta sebanyak 1.5 kali hingga dua kali ganda iaitu 2% kepada KDNK dan menarik 150,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2015.




Kawal selia yang terbuka dan persekitaran inovatif telah menyokong perkhidmatan pendidikan swasta di Malaysia diiktiraf dengan meluas di rantau ini. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran perlu ditangani untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara cabaran utama adalah risiko *crowding-out* institusi swasta berpunca daripada pengembangan institusi awam, pembiayaan kerajaan yang tidak mampan disebabkan pembiayaan berasaskan permintaan swasta yang rendah dan peningkatan persaingan daripada pasaran serantau.

Bagi mencapai sasaran pertumbuhan dan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi utama pendidikan, beberapa inisiatif akan dilaksanakan di semua peringkat pendidikan dengan fokus khusus terhadap pendidikan tertiar seperti berikut:

- Meningkatkan pembiayaan berasaskan permintaan dan menyediakan peruntukan tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui *off-take* di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan mewujudkan tempat untuk IPTS dalam IPTA dengan memperluaskan kapasiti melalui subsidiari swasta. Menjelang tahun 2015, 50% daripada dana awam untuk pendidikan tinggi akan disalurkan melalui pembiayaan berasaskan permintaan dan 25% daripada semua tempat di IPTA akan menjadi *private fee-paying*;
- Memperbaiki kualiti IPTS melalui pembiayaan berasaskan prestasi dengan memperluas Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) bagi meliputi universiti dan kolej universiti swasta dan di peringkat fakulti;
- Memperluas skala anggut bagi pinjaman PTPTN untuk mempromosi perkongsian kos berasaskan ujian min pendapatan ibu bapa untuk memastikan kewangan PTPTN terus mampan dan memperluas akses kepada keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana;
- Memperkenalkan sistem pendaftaran pusat secara berfasa untuk semua pelajar termasuk pelajar antarabangsa dengan rangka kerja pengumpulan kredit yang fleksibel untuk semua kursus di institusi awam dan swasta;
- Menyediakan eko-sistem pendidikan yang kondusif untuk menarik pelajar dan fakulti terulung dunia dalam bidang bitara bagi menubuhkan cawangan di Malaysia; dan
- Mempergiat promosi dan usaha pemasaran di pasaran berpotensi tinggi.

8) Elektrik dan elektronik

Industri elektrik dan elektronik (E&E) merupakan penyumbang terbesar kepada sektor pembuatan iaitu sebanyak 26.1% daripada pengeluaran pembuatan. Industri ini juga merupakan majikan terbesar mewakili lebih daripada 40% daripada jumlah keseluruhan pekerja di sektor pembuatan. Eko-sistem kluster yang kukuh dengan syarikat global utama seperti Intel, Infineon, Motorola dan Agilent telah ditubuhkan dan kemajuan telah dicapai semenjak beberapa dekad yang lalu dari segi kepelbagaian dan peningkatan dalam rantai nilai terutamanya, bagi perkongsian perkhidmatan pengurusan dan sokongan, pembangunan serta pengujian. Namun, terdapat peluang untuk membangunkan lagi kebolehan tempatan terutamanya dalam R&D dan meningkatkan sumbangan aktiviti nilai tambah lebih tinggi.




Sepanjang tempoh Rancangan, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan industri E&E dalam rantai nilai lebih tinggi melalui PPP yang berkesan. Peluang dalam bidang automasi, peminiaturan, pendigitalan dan aplikasi multimedia akan diteruskan dan pengkhususan dalam bidang semikonduktor, sistem terbenam, optoelektronik, frekuensi radio dan wayarles akan digalakkan. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada pembangunan pemboleh utama seperti meningkatkan kemahiran bakat sedia ada dan meningkatkan sumber bakat yang berkaitan, mengukuhkan eko-sistem R&D, mengembangkan jumlah vendor tempatan dan membina infrastruktur. Inisiatif yang akan diambil termasuk:

- Membangunkan pusat kecemerlangan kejuruteraan dengan kerjasama industri dan akademik, terutamanya dalam bidang R&D dan latihan;
- Mempromosi pusat latihan kemahiran negeri dan membiayai bersama program peringkat Sarjana dan PhD dalam bidang kritikal;
- Memperkasa inkubator dan pusat perkhidmatan gunasama untuk EKS berasaskan pengetahuan; dan
- Menumpukan insentif kepada segmen yang strategik dalam rantai nilai seperti rekabentuk, pengujian dan *precision machining*.

9) Perkhidmatan perniagaan

Antara tahun 2006 dan 2009, perkhidmatan perniagaan dan profesional berkembang pada kadar 6.3% dan menyumbang 2.6% atau bersamaan RM13.3 bilion kepada KDNK pada tahun 2009. Sektor ini berpotensi untuk meningkatkan produktiviti melalui hubungan antara dan intra-sektor serta penyerapan amalan terbaik dan teknologi. Ia juga berpotensi untuk menjana peluang guna tenaga berintensif pengetahuan selaras dengan usaha menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Sumbangan sektor ini kepada KDNK disasarkan meningkat kepada 3.3% pada tahun 2015. Bagi mencapai sasaran ini, tumpuan akan diberi untuk kepada membangunkan lagi perkhidmatan berkaitan pembinaan dan pengurusan alam sekitar.



Dalam tempoh RMKe-10, strategi untuk menggerakkan sektor berkaitan pembinaan termasuk:

- Menyediakan sokongan seperti risikan pasaran, jaringan dan hubungan antara kerajaan dengan kerajaan bagi membolehkan syarikat mengeksport perkhidmatan pembinaan profesional dalam rantau ASEAN, India dan China serta negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC);
- Mewujudkan kesepakatan penyertaan dan jenama bagi perkhidmatan pembinaan profesional Malaysia di luar negara. Dalam hal ini, fungsi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional juga akan dirasionalisasi; dan
- Meminda perundangan untuk memudahkan komitmen yang dibuat di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala bagi meliberalisasi industri serta mewujudkan peluang perniagaan yang baru.

Pengurusan alam sekitar merupakan industri baru yang mempunyai potensi pertumbuhan yang besar dalam teknologi hijau dan akan menghasilkan kategori profesional baru serta bidang pengkhususan baru dalam perkhidmatan seni bina dan kejuruteraan. Antara strategi utama memupuk pertumbuhan segmen ini termasuk:

- Memperkemas Majlis Teknologi Hijau untuk memacu agenda teknologi hijau merentasi pelbagai kementerian dan agensi termasuk aspek kawal selia, pembangunan, kesedaran dan promosi; dan
- Mewujudkan persekitaran dan permintaan bagi industri teknologi hijau untuk memperluaskan peluang perniagaan kepada ahli profesional dan penyedia perkhidmatan melalui:
 - Membangun dan menguatkuasa peraturan terutamanya berkenaan kecekapan penggunaan tenaga dalam bangunan bagi pembangunan yang baru;
 - Menggalak pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui bagi menyediakan kontrak jangka panjang kepada penyedia sumber tenaga boleh diperbaharui dan mewujudkan kesan limpahan ke atas penyedia perkhidmatan tempatan yang berkaitan; dan
 - Menggalak budaya pemeliharaan dan kecekapan dalam penggunaan tenaga dan air.

10) Penjagaan kesihatan swasta

Industri perancangan penjagaan kesihatan telah berkembang sebanyak 12.3% antara tahun 2006 dan 2008. Di samping itu, Malaysia telah menarik lebih daripada 1 juta pesakit asing dengan jumlah pendapatan perubatan hampir RM800 juta. Populasi yang semakin kaya, meningkat tua dan mudah bergerak akan mendorong permintaan dan perbelanjaan yang berterusan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih berkualiti.

Malaysia berhasrat untuk mewujudkan sistem penjagaan kesihatan yang lancar dan bersepadu, yang menggabungkan industri perjalanan penjagaan kesihatan dengan nilai profesionalisme yang tinggi dan teknologi perubatan canggih. Ketika ini, terdapat 273 hospital swasta di Malaysia dengan 35 daripadanya menyertai program perancangan kesihatan dan enam kemudahan penjagaan kesihatan telah memperoleh akreditasi daripada Suruhanjaya Bersama Antarabangsa (JCI). Sebagai sebahagian daripada inisiatif mempromosikan industri ini, jenama Malaysia Healthcare dengan slogan "Quality Care for Your Peace of Mind" telah dilancarkan pada 9 Jun 2009 dan Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC), iaitu agensi utama yang mempromosi dan membangunkan perancangan kesihatan telah ditubuhkan pada 21 Disember 2009.



Dalam tempoh RMKe-10, sasaran adalah untuk meningkatkan pendapatan daripada perjalanan penjagaan kesihatan pada kadar 10% setahun dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk penjagaan kesihatan di rantau ini. Strategi utama yang akan dilaksanakan bagi mencapai sasaran termasuk:

- Merangsang kerjasama strategik di antara penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan, organisasi perancangan dan kumpulan insurans perubatan tempatan dan asing bagi menyediakan pakej perkhidmatan yang lebih bersepadu dan komprehensif kepada pelancong penjagaan kesihatan;
- Menggalak lebih banyak hospital swasta untuk mendapatkan akreditasi daripada badan akreditasi penjagaan kesihatan antarabangsa;
- Menggalak pelaburan dan penggunaan teknologi perubatan canggih bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan daya saing; dan
- Memperhebat penyelarasan dan penyepaduan aktiviti promosi bagi memperkukuh jenama Malaysia Healthcare di peringkat global.

11) Pertanian

Pada tahun 2009, pertanian bernilai tinggi termasuk penternakan burung walit, akuakultur, rumpai laut, sagu, ikan hiasan, herba dan rempah ratus, buah-buahan dan sayur-sayuran organik, cendawan serta florikultur menyumbang kira-kira 1% kepada KDNK. Permintaan pengguna yang semakin meningkat ke atas produk bernilai tinggi memberi peluang kepada petani untuk meningkatkan pendapatan. Namun, pertumbuhan produk tersebut dikekang oleh kekurangan tanah yang sesuai dan akses pembiayaan, kekurangan pekerja mahir, skala operasi yang tidak ekonomik, perkhidmatan sokongan yang tidak menyeluruh, kekurangan sokongan R&D dan kelemahan jaringan pasaran.




Dalam RMKe- 10, aktiviti pertanian bernilai tinggi ini akan diberi tumpuan khusus supaya sumbangan kepada KDNK meningkat kepada 2% menjelang tahun 2015. Strategi untuk mencapai sasaran ini termasuk:

- Menubuhkan konsortium dan koperasi pertanian untuk memperoleh faedah skala, menggalakkan penggunaan amalan akreditasi oleh petani, nelayan dan usahawan tani serta mengukuhkan pemasaran melalui ladang kontrak dan pakatan strategik;
- Mengkaji semula dan memperkemas peraturan dan prosedur sedia ada terutamanya bagi industri sarang burung walit, akuakultur dan herba untuk menarik pelaburan serta penyertaan lebih besar sektor swasta;
- Menggalak pertumbuhan berasaskan inovasi dan proses pengeluaran yang menggunakan teknologi perladangan moden dan ICT termasuk *Agriculture Flagship Project* berasaskan ICT;
- Menyedia infrastruktur, kemudahan dan logistik yang lengkap dan khusus untuk menyokong aktiviti pertambahan nilai berdasarkan sumber yang ada dan berhampiran, terutama di kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan Zon Industri Akuakultur yang telah ditentukan; dan
- Mempergiat kerjasama R&D dengan institut penyelidikan pertanian unggul untuk melonjakkan inovasi dalam proses pengeluaran, kawalan penyakit, keselamatan dan kawalan mutu serta pembangunan produk baru bernilai tambah tinggi.

Di samping itu, pendekatan strategik berkaitan jaminan keselamatan makanan akan diambil bagi memastikan bekalan makanan terutamanya beras sentiasa ada, mudah diakses dan harga makanan yang berpatutan untuk orang awam. Dalam tempoh Rancangan, strategi bagi memastikan bekalan beras yang cukup termasuk mengekalkan stok simpanan beras pada paras 292,000 tan metrik atau mampu menampung keperluan selama 45 hari, memeterai perjanjian kontrak jangka panjang untuk mengimport beras melalui perjanjian pepadanan eksport minyak sawit atau minyak dan meningkatkan produktiviti di kawasan jelapang padi serta luar jelapang sedia ada melalui naiktaraf infrastruktur. Kawasan baru tanaman padi tidak akan dibangunkan dan pengeluaran beras tempatan ditetapkan pada kadar 70% tahap sara diri.

12) Greater Kuala Lumpur

Greater Kuala Lumpur (Greater KL) meliputi ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur dan bandar satelit di sekitarnya. Kini, *Greater KL* merupakan kluster pertumbuhan ekonomi yang penting dan menyumbang lapan kali ganda KDNK berbanding bandar lain di Malaysia. *Greater KL* berada pada kedudukan yang baik untuk menjadi pusat pertumbuhan nasional dan gerbang ke arah membangunkan ekonomi global dengan memanfaatkan kekuatan populasi kosmopolitan, warisan Asia yang unik dan infrastruktur bertaraf dunia.



Kesesuaian didiami di *Greater KL* adalah faktor penting dalam persaingan menarik modal insan berbakat, kekayaan dan pelaburan di peringkat global. Pada tahun 2010, Kuala Lumpur berada di kedudukan ke-79 daripada 140 bandar menurut kaji selidik kesesuaian didiami oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU). Inisiatif utama telah dikenalpasti di bawah bidang keberhasilan utama negara (NKRA) untuk mengatasi isu ini terutamanya memerangi jenayah dan menambah baik pengangkutan awam bandar. Bagaimanapun, kesesuaian didiami merangkumi konsep yang lebih luas dan inisiatif untuk mewujudkan ruang awam yang menarik, memupuk latar seni dan budaya yang unik dan relevan di peringkat antarabangsa serta menyediakan aktiviti riadah yang pelbagai akan mewujudkan karakter bandar yang tersendiri untuk *Greater KL* menjadikannya bandar ideal untuk hidup, bekerja dan berhibur.

Bagi meletakkan *Greater KL* sebagai bandar bertaraf dunia, kombinasi strategi pertumbuhan ekonomi dan kesesuaian didiami adalah diperlukan. Antara program utama yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan adalah:

- Mewujudkan Distrik Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan global terutamanya kewangan Islam dan perkhidmatan professional berkaitan untuk menarik organisasi tempatan dan antarabangsa bagi dasar dan pemantauan kewangan serta bakat;
- Membangunkan *Sime Darby Vision Valley* yang meliputi Koridor Pembangunan Guthrie, Kluster Eksperimen Hijau Ampar Tenang, Kluster Eko-pelancongan Pulau Carey dan Kluster Estet Logistik Sepang;
- Menjadikan *Greater KL* sebagai destinasi pelancongan dengan memanfaatkan institusi ikonik sedia ada seperti Muzium Negara dan Istana Budaya serta *Malaysia Truly Asia Centre* yang akan dibangun dalam tempoh Rancangan;
- Mewujudkan rangkaian ruang awam terbuka yang menarik dengan membangunkan strategi ruang terbuka komprehensif yang bukan sekadar menyediakan tanah dan infrastruktur tetapi juga merangkumi strategi untuk menarik orang awam ke ruang tersebut. Tasik Perdana seluas 101 hektar akan dibangun menjadi taman botani bertaraf dunia yang dihubungkan kepada rangkaian ruang hijau saling sambung ke seluruh bandar dengan dilengkapi kemudahan seperti laluan sikal dan pejalan kaki; dan
- Merubah pengangkutan awam bandar merentasi *Greater KL* melalui Sistem Pengangkutan Gerak Cepat [*Mass Rapid Transit* – (MRT)] bagi memastikan jalinan hubungan yang lancar.

KESIMPULAN

Ekonomi Malaysia telah pulih dengan kukuh selepas krisis kewangan dan ekonomi baru-baru ini. Namun, mengekalkan kadar pertumbuhan 6% untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 memerlukan Malaysia menangani beberapa cabaran struktural: meningkatkan produktiviti dan pelaburan, mengemudi persekitaran ekonomi global yang lebih mencabar dan menangani tekanan persaingan yang meningkat.

Dalam hubungan ini, Kerajaan akan menyesuaikan pendekatan ekonomi dalam tempoh RMKe-10 menggunakan empat tema: memacu daya saing dalaman untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia di peringkat global, menggerakkan pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan inovasi, perhubungan secara global dan memberi lebih tumpuan kepada jentera pertumbuhan utama.

Bagi memacu daya saing dalaman dan mengukuhkan kedudukan persaingan global, Kerajaan akan menjadikan Malaysia salah satu persekitaran yang mesra perniagaan di Asia dengan program liberalisasi yang signifikan dan dengan memperkasa MPC untuk mengenal pasti bidang utama bagi menambah baik produktiviti. Ini akan membantu syarikat tempatan berkembang serta mengukuhkan keupayaan negara untuk menarik dan mengekalkan modal serta bakat.

Bagi menggerakkan pertumbuhan didorong produktiviti dan inovasi, Kerajaan akan mewujudkan persekitaran yang menyokong inovasi merentasi ekonomi dengan memastikan persekitaran perniagaan tersebut menyediakan insentif untuk menginovasi serta memberi isyarat harga yang sebenar. Tumpuan khusus akan diberi untuk mengurangkan halangan pertumbuhan dan inovasi seperti yang dihadapi oleh EKS dengan memudahkan beberapa keperluan peraturan. Malaysia juga akan komited untuk meneruskan pelaburan dalam bidang sains dan teknologi, inovasi serta modal insan.

Bagi perhubungan global, Kerajaan akan terus memperkukuh hubungan perdagangan dan pelaburan dalam rantau ASEAN, China, India dan juga AS, Eropah serta GCC. Kerajaan akan menyokong syarikat Malaysia bersaing dalam pasaran global. Tindakan juga akan diambil untuk menambah baik keupayaan Malaysia bagi menarik pelaburan dan bakat asing ke Malaysia dengan memperkukuh MIDA dan menubuhkan Talent Corporation.

Bagi memastikan lebih tumpuan diberi kepada jentera pertumbuhan utama, Kerajaan akan memastikan keutamaan dasar menumpu kepada NKEA. Tumpuan lebih kukuh juga akan diberi kepada beberapa kluster ekonomi bagi memperoleh faedah produktiviti yang dihasilkan dalam penumpuan aktiviti ekonomi.